

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
(SEMAKAN 2017)

# Pendidikan Kesenian

TAHUN **4** SEKOLAH KEBANGSAAN

Penulis

Mohamad Hazzim bin Suahimi  
Zainab binti Samian  
Linawati@Lina binti Adiman  
Ong Bee Bee

Editor

Ana Suhana binti Zainuddin  
Ku Nurul Hidayah binti Ku Abdul Rahman

Pereka Bentuk

Mohd Ashrul bin Zainal Alam

Ilustrator

Mohd Kahirol Nizam bin Roslan



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2019





# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0009

KK 741-221-0102011-49-2479-20101  
ISBN 978-983-49-2479-9

Cetakan Pertama 2019  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk  
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.


Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:  
Ultimate Print Sdn. Bhd.,  
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,  
Off Persiaran Selangor Seksyen 15,  
40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Galeri Muzik, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Jabatan Penerangan Malaysia, Putrajaya.
- Sekolah Kebangsaan Seksyen 13, Shah Alam, Selangor.



# KANDUNGAN

Pendahuluan		iv
Pengenalan Ikon		vi
Bahasa Seni Muzik		1
Bahasa Seni Visual - Unsur Seni		2
Prinsip Rekaan		3
<b>Projek Kesenian Penggal Satu</b>		<b>4</b>
Unit 1	Senja Nan Indah	6
Unit 2	Warna-warni Kek Cawan	14
Unit 3	Beg Cantik Menawan	22
Unit 4	Bunga Gergasi	34
Unit 5	Secawan Kopi Manis	46
<b>Projek Kesenian Penggal Dua</b>		<b>54</b>
Unit 6	Larian Riang Ria	56
Unit 7	Indahnya Dasar Laut	64
Unit 8	Helo, Helo Apa Khabar?	72
Unit 9	Kota Ceria	84
Unit 10	Harum Mewangi	96
Glosari Seni Visual		104
Glosari Seni Muzik		106



# PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Kesenian Tahun 4 Sekolah Kebangsaan (SK)* disediakan berbandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Kesenian Tahun 4, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017. Buku teks ini menggabungkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Seni Muzik melalui Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam DSKP yang menekankan bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif untuk pemahaman murid. SK dan SP yang dipersembahkan ini mengandungi peringkat pengetahuan Seni Visual dan Seni Muzik yang mencakupi elemen merentas kurikulum, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan aktiviti Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21).

Aktiviti dalam penulisan buku teks ini memberikan fokus kepada pembinaan insan berliterasi bahasa seni visual dan bahasa seni muzik menerusi aktiviti pengkayaan, apresiasi, persembahan dan pembudayaan seni secara individu mahu pun berkumpulan. Pelaksanaannya adalah berdasarkan modul kurikulum, iaitu:

---

## Seni Visual

- Modul Bahasa Seni Visual
- Modul Kemahiran Seni Visual
- Modul Kreativiti dan Inovasi Seni
- Modul Apresiasi Seni

## Seni Muzik

- Modul Bahasa Muzik
  - Modul Kemahiran Seni Muzik
  - Modul Kreativiti dan Inovasi Seni
  - Modul Apresiasi Seni
- 

Buku teks ini mengandungi 10 unit. Setiap unit dimulakan dengan halaman pembelajaran Seni Visual dan diikuti dengan halaman pembelajaran Seni Muzik. Tema dan penyediaan hasil karya Seni Visual direncanakan agar seiring dengan lagu dan aktiviti Seni Muzik. Pengajaran dan pembelajaran bagi 10 unit dalam buku teks ini dibahagikan berdasarkan dua penggal. Setiap penggal merangkumi lima unit. Setiap halaman berkembar (double spread) dalam setiap unit dicadangkan untuk PdP selama 60 minit bagi Seni Visual dan 30 minit bagi Seni Muzik.

Pada akhir setiap penggal akan dilaksanakan projek kesenian yang melibatkan pameran dan persembahan muzikal yang berskala kecil. Objektif projek kesenian ini adalah untuk melihat kemampuan murid membuat perancangan, persediaan dan pelaksanaan pameran serta persembahan muzikal di samping menilai kemampuan murid membuat apresiasi terhadap hasil karya dan persembahan masing-masing secara individu dan berkumpulan. Setiap halaman dalam buku teks ini dilengkapi dengan gambar dan ilustrasi bagi menarik minat murid serta memberikan gambaran jelas terhadap aktiviti yang disampaikan. Selain itu, aktiviti PAK-21 yang dicadangkan pada beberapa halaman buku teks ini boleh diolah berdasarkan kreativiti guru dan pelaksanaannya di dalam kelas.



## Seni Visual

Aktiviti dan bahan yang dicadangkan dalam buku teks ini disediakan sebagai rujukan dan panduan guru semasa pengajaran. Guru boleh membuat pengubahsuaian aktiviti dan bahan berdasarkan kreativiti serta aras kemampuan dan keperluan murid.

Guru boleh memberikan peluang dan pendedahan yang secukupnya kepada murid untuk meneroka media, alat dan bahan dalam setiap unit sebelum menghasilkan karya bagi penghasilan produk untuk pembelajaran pada minggu seterusnya. Murid digalakkan menghasilkan karya dalam lingkungan kreativiti mereka dan bersoal jawab secara aktif semasa sesi PdP.


4 KRISTAL

## Seni Muzik

Buku teks ini amat menekankan penggabungjalinan kemahiran muzik seperti kemahiran mendengar dan bernyanyi serta kemahiran mendengar dan bermain alat perkusi. Bagi memantapkan penguasaan dan pengetahuan serta kemahiran muzikal murid, kemahiran seperti menulis notasi muzik dan aspek pemahaman konsep muzik turut diberikan perhatian. Murid mengaplikasikan pemahaman teori muzik melalui aktiviti nyanyian, pergerakan, permainan alat perkusi serta permainan rekoder.

Arahan yang jelas berserta skor perkusi dan skor lagu yang lengkap disediakan bagi memudahkan murid membuat latihan secara berpandu dengan atau tanpa bimbingan guru semasa di luar kelas. DVD Audio turut dibekalkan dengan pengisian latihan dan lagu yang menarik sebagai bahan sokongan kepada aktiviti dalam buku teks.

Besar harapan penulis agar penerbitan buku teks ini dapat membantu murid dan guru dalam melaksanakan dan menjayakan matlamat dan objektif Falsafah Pendidikan Negara serta melahirkan murid yang berdaya saing, kritis, kreatif dan inovatif. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbang idea dan cadangan serta mencurahkan tenaga sehingga terbitnya buku teks ini dengan jayanya. Semoga buku teks ini dapat menyuntik semangat dan memberikan motivasi kepada murid untuk belajar dan mengaplikasikan pembelajaran tersebut dalam kehidupan harian.



# PENGENALAN IKON



Nombor dan tajuk unit.


Lagu dan latihan yang disediakan dalam DVD audio bagi membantu guru dan murid menjalankan aktiviti muzikal.



Nombor Standard Pembelajaran



- Audio 12: Latihan Pic 1
- Audio 13: Latihan Pic 2
- Audio 14: Vokal *Beg Cantik Menawan*
- Audio 15: Instrumental *Beg Cantik Menawan*
- Audio 16: Minus one *Beg Cantik Menawan*



QR Code - Maklumat sokongan dalam bentuk video atau skor lagu.



Nota Guru - Maklumat tambahan dan cadangan aktiviti yang disediakan sebagai panduan kepada guru untuk membimbing murid melaksanakan sesuatu aktiviti pembelajaran dan pengajaran.

• Perbanyak skor lagu not C dan D.  
• Galakkan murid melaku EMC: Kreativiti dan Inovasi



Halaman Seni Visual



Halaman Seni Muzik

Soalan KBAT untuk merangsang pemikiran murid.

**INFO**

Maklumat tambahan atau maklumat baharu yang menarik.

**TIP**

Panduan menjalankan aktiviti.

**AWAS**

Peringatan tentang penjagaan kebersihan dan keselamatan.

**IMBAS KEMBALI**

Mengingat kembali pembelajaran yang pernah dipelajari.



# BAHASA SENI MUZIK

## Irama

Bunyi panjang dan pendek.



## Melodi

Susunan pic secara mendatar dan berkontur.




## Harmoni

Gabungan dua atau lebih not yang dimainkan bersama-sama atau serentak.



## Warna ton

Kualiti bunyi suara atau alat muzik yang berbeza-beza.



## Bentuk

Karya muzik yang mempunyai struktur melodi tersendiri.




## Tekstur

Lapisan bunyi nipis atau tebal sesuatu muzik.



## Pic

Tinggi atau rendah sesuatu bunyi.



## Dinamik


Kuat atau lembut sesuatu bunyi.



# BAHASA SENI VISUAL

## Unsur Seni

### Garisan



Garisan ialah hasil sambungan titik ke titik di atas sesuatu permukaan.

### Rupa



Rupa ialah hasil sambungan garisan yang bertemu dari hujung ke pangkal. Rupa boleh dibahagikan kepada dua, iaitu rupa organik dan rupa geometri.

### Jalinan



Jalinan merupakan kesan yang ada pada sesuatu permukaan. Terdapat dua jenis jalinan, iaitu jalinan tampak dan jalinan sentuh.

### Warna



Warna boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu warna asas, warna sekunder dan warna tertier.

**Warna asas** ialah warna yang tidak dapat dihasilkan daripada campuran warna lain.

**Warna sekunder** ialah warna hasil campuran dua warna asas.


**Warna tertier** ialah warna hasil campuran warna asas dan warna sekunder.

### Ruang



Ruang ialah jarak di antara dua objek. Kedudukan objek dalam sesuatu jarak akan menimbulkan kesan ruang belakang, ruang tengah dan ruang hadapan.

### Bentuk



Bentuk asas mempunyai struktur jisim dan isi padu. Bentuk dibahagikan kepada dua, iaitu bentuk konkrit dan bentuk ilusi.



# Prinsip Rekaan

## Imbangan



Imbangan objek simetri



Imbangan objek tidak simetri

Keadaan yang menentukan kedudukan yang sama atau sepadan dari segi berat dan pemberatan.

## Irama dan Pergerakan



Keadaan objek yang kelihatan bergerak, memancar, bergegar dan sebagainya secara ilusi.

## Penegasan



Sesuatu yang boleh menarik perhatian dan tumpuan kepada pemerhati.

## Kontra



Sesuatu objek yang berbeza dari segi saiz, rupa, bentuk, warna dan sebagainya daripada objek yang lain.

## Kesatuan

Kesemua unsur seni dan prinsip rekaan dilihat secara menyeluruh dan saling melengkapi dalam hasil karya.



## Harmoni

Penggunaan unsur seni yang menimbulkan kesan aman dan damai.



## Kepelbagaian

Penggunaan pelbagai unsur seni dan prinsip rekaan dalam sesuatu karya.



# PROJEK KESENIAN PENGGAL SATU

Pada akhir penggal satu, kamu akan mengadakan projek kesenian, iaitu pameran hasil karya seni visual serta persembahan muzikal. Bentukkan lima kumpulan berdasarkan hasil karya Unit 1 hingga 5. Setiap kumpulan akan membuat apresiasi seni dan persembahan muzikal mengikut kreativiti secara bergilir.

# 1

## Perancangan

1. Kumpul dan pilih hasil karya murid yang bersesuaian daripada Unit 1 hingga 5 untuk dipamerkan dan digunakan sebagai prop persembahan.
2. Bincangkan susun atur hasil karya yang akan dipamerkan.
3. Tentukan lokasi pameran.
4. Rancang persembahan muzikal.
5. Buat pembahagian tugas untuk persembahan.

# 2

## Persediaan

1. Buat persediaan pameran berdasarkan perancangan.
2. Labelkan kapsyen bagi karya yang akan dipamerkan.
3. Susun karya pameran.
4. Buat latihan persembahan muzikal.
5. Sediakan promosi pameran sama ada dalam bentuk cetakan atau digital.

# 3

## Pameran dan Persembahan

1. Pastikan hasil karya selamat dan terpelihara semasa pameran.
2. Bercerita tentang karya sendiri dan rakan.
3. Persembahkan lagu-lagu yang telah dipelajari dari Unit 1 hingga 5.
4. Buat apresiasi persembahan muzikal.
5. Simpan hasil karya di tempat yang selamat.
6. Bersihkan tempat pameran.





3.3.1 3.4.1  
 3.3.2 3.4.2  
 3.3.3 3.4.3  
 3.3.4  
 3.3.5  
 3.3.6

- Bimbing murid merancang dan membuat persediaan untuk pameran seni visual serta persembahan muzikal.
- Pastikan masa yang diperuntukkan untuk perancangan, persediaan dan persembahan murid adalah mencukupi.





## SENJA NAN INDAH

Catan merupakan proses sapuan warna menggunakan bahantara pada sesuatu permukaan. Terdapat pelbagai teknik dalam penghasilan catan. Teknik basah atas basah merupakan salah satu daripada catan cat air.



Teknik basah atas basah ialah sapuan warna di atas permukaan basah atau lembap.

Teknik catan boleh memperlihatkan kesan lut sinar pada karya.

Nama: Mohd Tazrudin bin Mohd Tamin  
Tajuk: *Satu Waktu*  
Media: Cat air/Kertas cat air  
Size: 210mm X 297mm (A4)  
Tahun: 2019

### INFO



Abdullah Ariff merupakan salah seorang perintis seni lukis cat air di Malaysia. Beliau dilahirkan di Pulau Pinang pada tahun 1904. Beliau bergiat aktif dalam kumpulan *Penang Impressionist*.

Teknik memegang berus warna yang berlainan memberikan kesan sapuan warna yang pelbagai pada hasil cat air.





Objek yang terdapat di ruang hadapan kelihatan lebih besar dan jelas berbanding dengan objek di ruang tengah dan ruang belakang.



Gambar foto pemandangan



Hasil karya

Kuantiti air yang digunakan pada cat air mempengaruhi kepekatan warna sekali gus mewujudkan kesan ruang pada hasil karya.

Mari teroka alatan yang menyerap air untuk membuat karya catan. Ada pelbagai cara untuk melembapkan kertas seperti semburan dan sapuan menggunakan berus atau span.




Berus cat air



Kapas



Kain



Span



Kertas cat air (watercolour paper) sesuai digunakan untuk menghasilkan catan kerana mempunyai tekstur dan bersifat tebal.

1.1.1 (i)  
2.1.1 (i)(iii)

- Terangkan bahasa seni visual (warna, ruang, kesatuan, harmoni) kepada murid. Banding beza warna dan ruang yang dihasilkan pada karya.
- Bimbing murid meneroka pelbagai jenis berus dengan kuantiti air yang berbeza-beza dalam penghasilan catan teknik basah atas basah.
- Bersoal jawab dengan murid tentang teknik basah atas basah dalam menghasilkan karya.





## Senja Nan Indah

Hasilkan catan pemandangan bertemakan waktu senja yang memperlihatkan kesan harmoni dengan menggunakan teknik basah atas basah.

### Perkembangan Idea



Contoh hal benda



Lakaran 1  
(lakaran pilihan)




Lakaran 2

1



Buat lakaran.

2



Lembapkan kertas  
cat air dengan span.

3



Sapu cat air dengan  
kuantiti air yang  
beresuaian untuk  
menghasilkan ton  
warna yang cerah.

4



Ulangi langkah  
3 dengan warna  
sewarna bagi  
menampakkan kesan  
warna yang harmoni.



### Alat dan Bahan


● Palet



● Bekas air



● Span



● Kertas cat air



● Pensel



● Berus cat air



● Cat air



● Kad keras



5



Hasilkan imej gunung pada ruang tengah.



6



Perincikan ruang hadapan.



7



Hasilkan imej burung bagi mewujudkan kesan kesatuan.



Buat kemasan. Pamer hasil karya dan buat apresiasi bersama-sama dengan rakan-rakan kamu.

3.1.1  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1

- Bersoal jawab dengan murid tentang ruang hadapan, ruang tengah dan ruang belakang dalam menghasilkan karya catan basah atas basah.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Keusahawanan

: Mengaplikasi

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)





# Not Berbunyi

Nyanyikan lagu *Not Berbunyi* bersama-sama.

Audio 1 : Vokal *Not Berbunyi*  
Audio 2: Instrumental *Not Berbunyi*  
Audio 3: Minus one *Not Berbunyi*

## Not Berbunyi

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

C' B A D' G notku berbunyi  
Ayuh sebut nama notasi  
C' B A D' G tepuk sekali  
Sama-sama kita bernyanyi

C' D' B C' A A beraneka notnya  
G A G A G G berbunyi lagi  
C' D' B C' A A marilah belajar  
Alunan melodi notku berbunyi



Teliti kedudukan not G, A dan B dalam jadual di bawah.

Nama not \ Jenis not	Kuaver	Krocet	Minim	Semibrif
G				
A				
B	 atau 	 atau 	 atau 	






Kamu telah mempelajari not G, A dan B semasa tahun 3.






Lihat kedudukan simbol muzik pada baluk.



Tulis klef trebel di atas baluk.



1.2.2  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)

- Minta murid menulis simbol muzik dalam buku manuskrip.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Menganalisis

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)





## Kenali Notasi Muzik

Kamu telah mempelajari not G, A dan B. Sekarang, mari kenali not C' dan D'.

Nama not	Jenis not	Kuaver	Krocet	Minim	Semibrif
C'					
D'					



Kenal pasti not C' dan D' dalam skor lagu *Not Berbunyi*. Bulatkan C' dengan pensel warna hijau dan D' dengan pensel warna merah.

### Not Berbunyi

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

Musical score for the song "Not Berbunyi" with lyrics and chord progressions. The score is written in 4/4 time and consists of four lines of music.

Line 1: C' B A D' G not-ku ber-bu-nyi A - yuh se - but na-ma no- ta - si

Line 2: C' B A D' G te-puk se-ka - li Sa - ma - sa - ma ki - ta ber-nya-nyi

Line 3: C' D' B C' A A ber-a-ne-ka not-nya G A G A G G ber-bu-nyi la - gi

Line 4: C' D' B C' A A ma-ri-lah be-la - jar A - lu-nan me-lo - di not-ku ber-bu-nyi


Chord progressions: C, C, C, G, Dm, G, C, G7, C, C, Dm, G, C, Dm, C.




## Aktiviti Berkumpulan

1. Lihat bulatan berwarna yang mewakili not G, A, B, C' dan D' pada baluk.
2. Kenal pasti jenis not yang mewakili setiap bulatan berwarna berdasarkan petunjuk.
3. Tulis jenis not pada kertas baluk atau dalam buku manuskrip.
4. Namakan setiap not tersebut.


### Latihan 1



Contoh:



### Latihan 2



Petunjuk:

Warna	Jenis not
●	Kuaver
●	Krocet
●	Minim
●	Semibrif



1.2.1 (i ii)

- Perbanyak skor lagu *Not Berbunyi* dan edarkannya kepada murid bagi aktiviti mengenal pasti not C' dan D'.
- Galakkan murid melakukan aktiviti secara berpasangan dan berkongsi jawapan dengan rakan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



Menganalisis

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)





## WARNA-WARNI KEK CAWAN

Teknik mozek ialah proses menyusun dan menampal bahan secara bersebelahan, tidak bertindih dan masih menampakkan ruang latar. Teknik mozek boleh digunakan dalam aktiviti menggambar.

Mari lihat aplikasi teknik mozek di sekitar kawasan sekolah. Sentuh permukaan mozek untuk mengenal pasti jalinannya.



Permukaan dinding ini kasar.



Lihat lantai ini. Jalinannya kasar.

Permukaan kerusi ini licin.

Jalinan pada batu ini licin.





## Mozek Kreatif

Ada pelbagai bahan semula jadi, bahan buatan manusia atau gabungan kedua-duanya yang boleh digunakan untuk menghasilkan karya teknik mozek. Bahan-bahan ini akan mempengaruhi hal benda atau situasi bagi karya yang akan dihasilkan.

	Buatan Manusia			Semula Jadi	
Bahan					
Susunan					
Gambaran					



Kenal pastiimbangan dan kontra yang terdapat pada hasil karya mozek ini.



Imbangan tidak simetri




Imbangan simetri

1.1.1 (ii)  
2.1.2 (i)(ii)

- Kaitkan pemahaman murid tentang mozek dengan aktiviti penerokaan di luar bilik darjah.
- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (jalanan,imbangan, ruang, kontra) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid mengeksplorasi bahan dan teknik susunan dalam penghasilan karya.
- Bagi menghasilkan teknik mozek, pastikan tiada objek yang bertindih semasa disusun.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Mengaplikasi

PAK-21: Tinjau Kongsi  
(Roam the Room)





## Gulung-gulung Cantik

Mari hasilkan kek cawan yang menarik dengan teknik mozek.

Perkembangan Idea

Contoh hal benda



Lakaran 1 (lakaran pilihan)




Lakaran 2



Lukis semula lakaran kek cawan yang dipilih pada kad bod.



Guntingkan batang ais krim mengikut saiz yang dikehendaki.



Susun dan tampal batang ais krim menjadi mangkuk kek cawan.



Berhati-hati semasa menggunakan alatan tajam.



Letak lidi pada hujung jalur kertas warna dan gulung dengan ketat.



Gamkan pada hujung gulungan kertas.



Hasil *paper quilling* yang telah siap.



*Paper quilling* ialah seni menggulung kertas yang wujud di Eropah sejak abad ke-17 dengan nama *paper filigree* atau *roll work*.



## Alat dan Bahan

● Kad keras

● Jaluran kertas warna

● Kertas bergelugur



● Batang ais krim

● Majalah

● Lidi


● Gam

● Gunting



6

Susun dan tampal gulungan kertas secara bersebelahan.



7

Gamkan bahan hiasan.



Unsur ruang terdapat pada kedudukan kek cawan, meja dan piring.



Mozek kek cawan kamu telah siap. Syabas!

3.1.1  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1

- Bimbing murid memilih dan memanipulasi media secara kreatif.
- Bimbing murid mengaplikasikan unsur ruang, imbalan dan kontra pada hasil karya.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Mengaplikasi

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)





# Kek Cawan Comel

Mari bernyanyi dan hayati lagu ini bersama-sama.



## Kek Cawan Comel

Lagu dan lirik: Ong Bee Bee



Ayuh kawanku buat kek cawan  
Telah tersedia aneka bahan  
Masuk adunan ke dalam cawan  
Setelah dibakar boleh dimakan



Kek cawanku sedap rasanya  
Dihias ceri comel bentuknya  
Lembut adunan bermacam rupa  
Berwarna-warni memikat hati




- Audio 4: Vokal Kek Cawan Comel
- Audio 5: Instrumental Kek Cawan Comel
- Audio 6: Minus one Kek Cawan Comel
- Audio 7: Corak Irama 1
- Audio 8: Corak Irama 2
- Audio 9: Instrumental Kek Cawan Comel dengan Alat Perkusi 1
- Audio 10: Instrumental Kek Cawan Comel dengan Alat Perkusi 2
- Audio 11: Ensembel Kek Cawan Comel

### Latihan Menepuk Tangan





ti-fi



ta-a



ta



ta-a-a-a



### IMBAS KEMBALI


Kamu telah mempelajari cara menepuk tangan untuk tanda rehat krocet semasa tahun 2.




Cara menepuk tangan

Tepek tangan mengikut corak irama di bawah.

### Corak Irama 1



### Corak Irama 2





# Kek Cawan Comel

Lagu dan lirik: Ong Bee Bee

Alat Perkusi 1

Alat Perkusi 2

1

F C7 F

A-yuh ka-wan-ku bu-at kek ca-wan Te-lah ter-se-dia a-ne-ka ba-han

5

C7 F C7 F

Ma-suk a-du-nan ke da-lam ca-wan Se-te-lah di-ba - kar bo-leh di-ma-kan

9

C7 F

Kek ca-wan-ku se-dap ra-sa-nya Di - hi-as ce - ri co-mel ben-tuk-nya

13

C7 F C7 F

Lem-but a-du-nan ber-ma-cam ru-pa Ber-war-na-war-ni me-mi-kat ha-ti

1.2.3

- Bahagikan murid kepada dua kumpulan. Kumpulan 1 memainkan Alat Perkusi 1 (kastanet atau kayu tik tok) dan Kumpulan 2 memainkan Alat Perkusi 2 (kerincing atau tamborin).

EMK: Nilai Murni



Mengaplikasi

PAK-2I: Projek Berkumpulan





## Nama dan Simbol Muzik


Lihat dan fahami jadual di bawah.

Jenis not	Not	Tanda rehat	Nilai
Kuaver			$\frac{1}{2}$
Krocet			1
Minim			2
Semibrif			4

### Aktiviti Berkumpulan

#### Permainan Kek Cawan Ceri

Mari bermain permainan ini untuk mengingat kembali nama dan simbol muzik.




Kad-kad ini akan digunakan dalam permainan Kek Cawan Ceri.

Kumpulan	1	2	3	4	5	Jumlah
Kek						
Kek cawan 1						
Kek cawan 2						
Kek cawan 3						
Kek cawan 4						

Satu markah untuk kombinasi kad yang betul.


Contoh borang pemarkahan



Susun setiap bahagian kek cawan ceri dalam masa yang ditetapkan.




1. Buat aktiviti dalam kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan mendapat satu set kad kek cawan ceri yang mengandungi 16 keping kad seperti yang terdapat pada halaman 20.



3. Apabila loceng dibunyikan, padankan setiap kad jenis not, nama not, nilai not dan tanda rehat dengan betul. Susun di atas meja.



4. Setiap kumpulan perlu menulis not dan tanda rehat pada baluk yang disediakan berdasarkan kek cawan ceri yang disusun.



5. Apabila masa tamat, loceng dibunyikan. Setiap kumpulan akan menyemak hasil padanan kek cawan ceri kumpulan yang lain.



Satu markah diberikan kepada kumpulan yang mendapat kesemua padanan jawapan yang betul bagi satu kek cawan ceri. Tiada markah yang diberikan untuk padanan yang tidak tepat.

1.2.1  
(ii)/(iii)

- Sediakan kad permainan Kek Cawan Ceri mengikut bilangan murid di dalam kelas.
- Bimbing murid semasa permainan Kek Cawan Ceri dijalankan.
- Berikan masa yang bersesuaian untuk murid membuat padanan kad bagi keempat-empat kek cawan ceri.
- Sediakan borang pemarkahan permainan kek cawan ceri untuk diedarkan kepada murid.






## BEG CANTIK MENAWAN

Stensilan merupakan salah satu teknik menghasilkan corak dengan menggunakan blok stensil pada permukaan rata. Terdapat pelbagai cara mewarnakan corak teknik stensilan, antaranya termasuklah sapuan dan semburan. Aktiviti mencorak dilakukan dengan pengulangan motif.



### INFO













Teknik stensilan menggunakan alat yang mempunyai kawasan yang ditebuk bagi membenarkan pigmen warna melaluinya untuk menghasilkan rupa.





## Cipta Stensil

Teroka pelbagai media untuk menghasilkan blok stensil.

Media	 Kad busa	 Alas plastik	 Sugar paper
Teknik	 Potong	 Tebuk	 Lipat dan gunting
Teknik Mewarna	 Menyapu warna dengan berus	 Mewarna dengan pen penanda	 Mengecap dengan span
Hasil karya			

Stensil boleh digunakan untuk menghasilkan rupa positif dan negatif.



Hasil rupa positif



Hasil rupa negatif

### TIP




Untuk menghasilkan motif yang mempunyai keseimbangan simetri, gunakan teknik lipatan dan guntingan.

Bagaimanakah cara menghasilkan rupa positif dan rupa negatif dengan menggunakan blok stensil?

1.1.2  
(ii)  
2.1.6  
(i)(ii)(iii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (rupa, warna, kontra,imbangan) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid menggunakan pelbagai media yang berbeza-beza.
- Pastikan murid menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan tajam.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Mengaplikasi

PAK-21: Suai Padan  
(Mix-n-Match)






# Wah, Corak Stensil!

Mari hasilkan pelbagai motif dengan menggunakan stensil dan pewarna yang berbeza-beza mengikut kreativiti masing-masing.

- Corak
- Blok Stensil
- Permukaan Media
- Susunan Corak




Bunga



Kad manila




Kemeja-T



Susunan tapak catur



Rama-rama



Kad busa



Kain kapas




Susunan serong




Hati




Span




Kertas



Susunan batu-bata




Segi tiga



Kadbod



Kain guni



Susunan cermin



Mari hasilkan corak stensil bertemakan flora dan fauna di atas kemeja-T terpakai untuk persediaan aktiviti seterusnya.

### Teknik Mewarna

### Hasil Corak

### Perkembangan Idea



Contoh hal benda



Mewarna dengan pen penanda



Lakaran 1 (lakaran pilihan)



Lakaran 2




Menyapu warna dengan berus



1. Lukis semula lakaran burung yang dipilih pada kad manila.



2. Tebuk bahagian yang bertanda untuk menghasilkan blok stensil.



Melorek dengan pensel warna



3. Pilih susunan corak yang akan dihasilkan di atas kemeja-T. Letak blok stensil pada kemeja-T dan warnakan rupa positif mengikut susunan corak.



Mengecap dengan span



- 1.1.2 (ii)
- 2.1.6
- (i)(ii)(iii)
- 3.1.2
- (i)(ii)(iii)
- (iv)(v)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (rupa, warna, kontra,imbangan) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti stensilan secara kreatif dengan mempelbagaikan susunan corak.
- Bimbing murid meneroka bahan lain dalam menghasilkan blok stensil pada karya.
- Guna semula blok stensil yang telah dihasilkan pada pembelajaran minggu sebelumnya untuk aktiviti di atas.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Menganalisis

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)



## Inilah Gayaku

Mari buat beg sandang menggunakan kemeja-T bercorak yang telah kamu hasilkan sebelum ini.

1



Sediakan kemeja-T bercorak yang telah dihasilkan.

2



Terbalikkan bahagian dalam kemeja-T ke luar untuk membuat penandaan pada bahagian yang ingin dipotong.



Syabas, kamu telah berjaya menghasilkan beg dengan kreatif!

7



Letak kad keras sebagai tapak beg untuk mengukuhkan bentuknya.

8



Lekat bahan hiasan mengikut kreativiti kamu.





Tanda di kedua-dua bahagian lengan, kolar dan bahagian bawah baju dengan pen penanda.



Guntingkan pada bahagian yang ditanda dengan cermat.

**TIP**

Guna gunting yang bersesuaian untuk menggunting kemeja-T.



Terbalikkan semula kemeja-T untuk menampakkan corak stensil.



Guna lebih kain yang dipotong untuk mengikat bawah baju dengan kemas dan kuat sebagai tapak beg.

## Alat dan Bahan

Kemeja-T hasil corak stensil

Kad keras

Gam

Gunting

Pen penanda

Bahan hiasan

3.1.3  
(i)(ii)(iii)(iv)  
(v)

4.1.2

- Bimbing murid mengaplikasikan prinsip kontra dalam memilih rupa dan warna pada hasil karya.
- Bersoal jawab dengan murid tentang keseimbangan yang digunakan dalam hasil karya.
- Bimbing murid membuat kemasan pada produk berfungsi berdasarkan hasil karya.





## Beg Cantik Menawan

Buat latihan pic di bawah sebelum menyanyikan lagu *Beg Cantik Menawan* dengan pic yang betul.

- Audio 12: Latihan Pic 1
- Audio 13: Latihan Pic 2
- Audio 14: Vokal *Beg Cantik Menawan*
- Audio 15: Instrumental *Beg Cantik Menawan*
- Audio 16: Minus one *Beg Cantik Menawan*

### Latihan Pic 1



### Latihan Pic 2



## Beg Cantik Menawan

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

Begku cantik menawan aneka rupa  
Hatiku sangat girang juga gembira  
Kubawa ke sekolah sungguh bergaya  
Corak berwarna-warni semua suka



Lihat beg sandang cantik dipandang  
Dihias dengan manik dan bunga  
Cantiknya begku jadi idaman  
Dihadiahkan kepada rakan



## Beg Cantik Menawan

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

$\text{♩} = 100$



### 2.2.2

- Perengarkan audio *Beg Cantik Menawan* sebelum memulakan aktiviti nyanyian.
- Bimbing murid bernyanyi dengan pic yang betul.
- Galakkan murid mencipta pergerakan kreatif dalam kumpulan masing-masing dan persembhkannya.

EMK: Nilai Murni



: Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan



## Lagu Pusingan

Nyanyikan lagu pusingan di bawah dalam dua kumpulan. Kumpulan 1 memulakan nyanyian diikuti dengan Kumpulan 2 yang akan memulakan nyanyian pada bar ketiga yang bertanda ●.

Audio 17: Vokal *Beg Cantik Menawan*  
Kumpulan Suara 1 dan  
Kumpulan Suara 2  
Audio 18: Vokal *Beg Cantik Menawan*  
Kumpulan Suara 1

### Beg Cantik Menawan

#### Lagu Pusingan

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

Kumpulan  
Suara 1

Kumpulan  
Suara 2

Beg- ku can-tik me-na-wan a- ne-ka ru-pa Ha - ti - ku sa-ngat gi-rang ju-ga gem bi - ra


Beg - ku can-tik me-na-wan a- ne- ka ru-pa


Ku-ba-wa ke se- ko - lah sung-guh ber-ga-ya Co-rak ber-war-na-war-ni se - mu - a su-ka

Ha - ti - ku sa-ngat gi-rang ju - ga gem - bi - ra Ku-ba-wa ke se- ko - lah sung-guh ber-ga-ya

Li- hat beg san-dang can-tik di-pan-dang Di- hi - as de-ngan ma - nik dan bu - nga

Co-rak ber- war-na- war-ni se - mu - a su - ka Li-hat beg san-dang can-tik di-pan-dang





13

Can-tik-nya beg-ku ja-di i-da-man Di-ha-di-ah-kan ke-pa-da ra-kan

Di-hi-as de-ngan ma-nik dan bu-nga Can-tik-nya beg-ku ja-di i-da-man

17

Di - ha - di - ah - kan ke - pa - da ra - kan



2.2.1  
2.2.3

- Pastikan murid menguasai melodi lagu *Beg Cantik Menawan* dan mahir bernyanyi dalam kumpulan masing-masing sebelum menyanyikannya bersama-sama.
- Gunakan Audio 18 untuk murid berlatih menyanyikan lagu pusingan dengan Kumpulan Suara 2.
- Guru boleh menggunakan Audio 16 untuk murid menyanyikan lagu secara pusingan mengikut tempo.

EMK: Nilai Murni

: Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan






## Perkusi Ceria

Tepuk Corak Irama 1 dan Corak Irama 2 bersama-sama. Kemudian, mainkan alat perkusi untuk mengiringi lagu *Beg Cantik Menawan* mengikut tempo.

- Audio 19: Corak Irama 1
- Audio 20: Corak Irama 2
- Audio 21: Instrumental *Beg Cantik Menawan* dengan kerincing
- Audio 22: Instrumental *Beg Cantik Menawan* dengan kastanet
- Audio 23: Ensembel *Beg Cantik Menawan*

### Corak Irama 1





### Corak Irama 2



## Beg Cantik Menawan

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

$\text{♩} = 100$





9

Li-hat beg san-dang can-tik di-pan-dang Di-hi-as de-ngan ma-nik dan bu-nga

13

Can-tik -nya beg-ku ja - di i -da-man Di-ha- di-ah-kan ke-pa-da ra-kan



2.2.5  
2.2.6  
(i)(ii)(iii)

- Bimbing murid bermain alat perkusi mengikut tempo berdasarkan skor lagu.
- Galakkan murid menggunakan alat perkusi lain yang bersesuaian.

EMK: Nilai Murni



: Mengaplikasi


PAK-21: Persembahan





## BUNGA GERGASI

Arca boleh dikategorikan kepada dua, iaitu arca berfungsi dan arca estetika. Arca berfungsi ialah arca yang mempunyai kegunaan tertentu, manakala arca estetika ialah arca yang dijadikan bahan peragaan yang mempunyai nilai keindahan.



### INFO

Perkataan arca berasal daripada perkataan Yunani Kuno "sculpere" yang bermaksud mengukir, menebuk, memotong, melarik dan sebagainya.

Kenal pasti arca berfungsi dan arca estetika di taman rekreasi ini.





Jenis arca berkaitan rapat dengan teknik penghasilannya. Antara teknik penghasilan arca termasuklah teknik asemblaj. Lihat antara bahan terpakai yang berbeza-beza jenis dan sifat bahannya dalam penghasilan asemblaj.

### Plastik



Ringan, kalis air, tidak mudah pecah

### Logam



Keras, kalis air

### Kertas



Nipis, ringan, mudah lentur, mudah dibentuk, mudah koyak

### Kayu



Mudah patah

Pilih bahan cantuman yang sesuai.



- Tali
- Gelang getah
- Benang



- Gam cecair
- Gam kuat
- Gam PVC




- Pita pelekat

### Perkembangan Idea

Lakar gambar bunga sebagai tema sebelum kamu menghasilkan arca. Olah dan kembangkan idea kamu.



Contoh lakaran 1 (lakaran pilihan)



Contoh lakaran 2

1.1.3 (i)  
2.1.7 (i)(ii)  
3.1.4 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (bentuk, kepelbagaian) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid mengenal pasti jenis arca di halaman 34.
- Minta murid mengingat kembali jenis-jenis arca di taman tema.
- Bimbing murid meneroka bahan-bahan lain dalam penghasilan arca.
- Minta murid buat lakaran berdasarkan tema.






# Kelopak Matahari Bersinar

Mari hasilkan arca bunga matahari.

## A Penentuan bahan.



Contoh lakaran idea

- Olah idea yang dipilih.
- Kembangkan idea.
- Pilih media yang sesuai.



Gamkan butang pada bahagian dalam penutup botol. Ulangi langkah ini dengan penutup botol yang lain.

2



Lekat penutup botol pada penutup plastik.

3

## B Bahagian bunga arca.



Tampal penutup botol dengan pelekat dua muka.

1



Lekat berus keluli dalam mangkuk aluminium dan tampal pada penutup plastik.

4



## Alat dan Bahan

● Cawan kertas



● Penutup botol



● Butang



● Mangkuk aluminium



● Berus keluli



● Putik kapas



● Pelekat dua muka



● Penutup plastik



● Gam



5 Tampal pelekat dua muka pada sisi penutup plastik.



7 Selit putik kapas di bahagian tengah berus keluli.



6 Tampal cawan kertas di sekeliling penutup plastik.



**TIP**  
Kamu boleh mewarnakan putik kapas mengikut kreativiti bagi memperlihatkan kepelbagaian.

Bunga matahari kamu telah siap. Pelbagai bahan digunakan untuk menghasilkan bunga yang menarik. Kenal pasti dan banding beza jalinan sentuh yang terdapat pada bahagian bunga arca.



1.1.3(ii)  
3.1.4  
(ii)(iii)(iv)(v)

- Jelaskan dan banding beza bahasa seni visual (jalinan, imbangan, bentuk, kepelbagaian) kepada murid.
- Bimbing murid mengeksplorasi kesesuaian bahan pelekat yang digunakan.
- Galakkan murid menggunakan bahan alternatif yang bersesuaian untuk menghasilkan karya.
- Terapkan nilai murni semasa menghasilkan karya (menghargai alam sekitar).
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara berpasangan.

EMK: Nilai Murni



: Mengaplikasi

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)





C Bahagian tangkai dan daun bunga arca.

1

Cantum kadbod gulungan tisu pada botol plastik untuk dijadikan tangkai.



2

Tekan dan pipihkan bahagian hadapan kadbod gulungan tisu.



3

Lekat bahagian tangkai pada belakang bunga matahari menggunakan pelekat dua muka.



Tangkai yang telah siap ditampal pada bunga.





4

Lekat paket minuman pada tangkai bunga sebagai daun.



5

Lekat bahan hiasan pada bunga mengikut kreativiti.



Tahniah, arca bunga ajaib kamu telah siap! Pamer dan ceritakan hasil karya kamu kepada rakan-rakan.

**TIP**

Kamu boleh memasukkan batu kecil, tanah liat atau guli ke dalam botol supaya arca bunga lebih stabil.



Contoh lain arca bunga

## Alat dan Bahan



● Bahagian bunga arca



● Botol plastik



● Kad bod gulungan tisu



● Paket minuman



● Pengkot



● Pita pekat



● Pita pekat dua muka



● Bahan hiasan



3.1.4 (M)(vi)  
4.1.1  
4.1.2

- Bimbing murid memanipulasi media secara kreatif.
- Bimbing murid membuat apresiasi berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Mencipta

PAK-21: Sages Share



## Legato dan Staccato

Mari menyanyikan lagu *Bunga Gergasi* dengan iringan audio.

### Bunga Gergasi

Lagu: Ong Bee Bee



Lirik: Fara Afiza binti Azman

Sini, sini cubalah kamu teka  
Apakah bunga yang besar saiznya  
Tiada batang dan juga daunnya  
Merah kelopak dan putih bintiknya

Bunga terbesar di dunia  
Bunga gergasi kuat baunya  
Kembang mekar tapi singkat hayatnya  
Indah namanya bunga Rafflesia

Audio 24: Vokal *Bunga Gergasi*  
Audio 25: Instrumental *Bunga Gergasi*  
Audio 26: Minus one *Bunga Gergasi*  
Audio 27: Latihan 1  
Audio 28: Latihan 2  
Audio 29: Latihan 3

### INFO

-  **Legato** - nyanyian yang bersambung tanpa terputus-putus.
-  **Staccato** - nyanyian terputus-putus.

Ajuk latihan *legato* dan *staccato* berdasarkan audio.

#### Latihan 1



#### Latihan 2



#### Latihan 3





Sekarang, nyanyikan lagu ini dengan teknik *legato* dan *staccato* yang betul.

## Bunga Gergasi

Lagu: Ong Bee Bee

Lirik: Fara Afiza binti Azman


Musical score for the song "Bunga Gergasi" in 4/4 time. The score is divided into four lines of music with corresponding lyrics and chord symbols.

Line 1: Chords C, Dm, G7, C. Lyrics: Si-ni si-ni cu-ba-lah ka-mu te-ka A-pa-kah bu-nga yang be-sar sa-iz-nya

Line 2: Chords C, Dm, D7, G. Lyrics: Ti-a-da ba-tang dan ju-ga da-un-nya Me-rah ke-lo-pak dan pu-tih bin-tik-nya

Line 3: Chords F, F, G7, C. Lyrics: Bu-nga ter-be-sar di du-nia Bu-nga ger-ga-si ku-at ba-u-nya. The word "legato" is written above the notes for the first and last measures of this line.

Line 4: Chords F, F, G7, C. Lyrics: Kem-bang me-kar ta-pi sing-kat ha-yat-nya In-dah na-ma-nya bu-nga Raff-le-sia. The word "legato" is written above the notes for the first and last measures of this line.



2.2.4

- Minta murid melakukan pergerakan melompat seperti belalang pada not *staccato* dan menggoyangkan badan seperti ulat pada not *legato*.
- Galakkan murid melakukan pergerakan yang berbeza-beza mengikut kreativiti masing-masing.

EMK: Nilai Murni

 : Mengaplikasi

PAK-21: Simbol Kinestetik  
(Kinesthetic Symbols)





## Bunyi Corak Irama

Tepek corak irama di bawah bersama-sama. Kemudian, mainkan corak irama dengan alat perkusi.

- Audio 30: Corak Irama 1
- Audio 31 : Corak Irama 2
- Audio 32: Latihan 1
- Audio 33: Latihan 2
- Audio 34: Latihan 3
- Audio 35: Instrumental *Bunga Gergasi* dengan Alat Perkusi 1
- Audio 36: Instrumental *Bunga Gergasi* dengan Alat Perkusi 2
- Audio 37: Ensembl *Bunga Gergasi*




atau

### Corak Irama 1



atau

### Corak Irama 2



### Latihan 1




### Latihan 2



### Latihan 3



Cara memegang alat perkusi yang betul.







Mari menyanyikan lagu *Bunga Gergasi* sambil memainkan alat perkusi berdasarkan skor perkusi di bawah.

## Bunga Gergasi

Lagu: Ong Bee Bee

Lirik: Fara Afiza binti Azman

Alat Perkusi 1

Alat Perkusi 2

C Dm G7 C

Si-ni si-ni cu-ba-lah ka-mu te-ka A-pa-kah bu-nga yang be-sar sa-iz-nya

5 C Dm D7 G

Ti-a-da ba-tang dan ju-ga da-un-nya Me-rah ke-lo-pak dan pu-tih bin-tik-nya

9 F F G7 C

Bu-nga ter-be-sar di du-nia Bu-nga ger-ga-si ku-at ba-u-nya

13 F F G7 C

Kem-bang me-kar ta-pi sing-kat ha-yat-nya In-dah na-ma-nya bu-nga Raff-le-sia

2.2.5

2.2.6

(i)(ii)(iii)

- Bimbing murid menepuk tangan mengikut skor perkusi dengan betul.
- Ingatkan murid cara memegang dan bermain alat perkusi dengan betul.
- Bahagikan murid kepada tiga kumpulan - satu kumpulan bernyanyi dan dua kumpulan bermain alat perkusi. Pilih seorang murid sebagai ketua bagi setiap kumpulan.
- Gunakan alat perkusi yang bersesuaian dengan skor.



EMK: Kreativiti dan Inovasi



Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan



## Bentuk Lagu

Setiap lagu mempunyai bentuk yang tersendiri. Bentuk lagu ditentukan melalui melodi bagi setiap rangkap.

Lagu yang mempunyai melodi yang sama bagi rangkap pertama dan kedua dikenali sebagai bentuk AA. Lagu yang mempunyai melodi yang berbeza antara rangkap pertama dengan rangkap kedua dikenali sebagai bentuk AB.

Dengar audio *Bapaku Pulang* dan *Burung Kakaktua* dengan teliti. Bezakan kedua-dua bentuk lagu tersebut melalui pergerakan.

Audio 38: Vokal *Bapaku Pulang*

Audio 39: Instrumental *Bapaku Pulang*

Audio 40: Minus one *Bapaku Pulang*

Audio 41: Vokal *Burung Kakaktua*

Audio 42: Instrumental *Burung Kakaktua*

Audio 43: Minus one *Burung Kakaktua*

### Lagu bentuk AA

#### Bapaku Pulang

Lagu Rakyat

A

Bapaku pulang dari kota  
Bapaku belikan kereta  
Kereta kecil warna merah  
Boleh kubawa ke sekolah



Pergerakan A

A

Pon pon pon pon pon pon pon pon  
Kereta kecilku berbunyi  
Marilah adik mari naik  
Boleh kubawa jumpa nenek




Pergerakan A



Skor lagu *Bapaku Pulang*





# Lagu bentuk AB

## Burung Kakaktua

Lagu dan lirik: AT. Mahmud/Rc Hardjosubroto

A

Burung kakaktua  
Hinggap di jendela  
Nenek sudah tua  
Giginya tinggal dua

B

Letrum letrum letrum u la la  
Letrum letrum letrum u la la  
Letrum letrum letrum u la la  
Burung kakaktua



Pergerakan A



Pergerakan B



Skor lagu *Burung Kakaktua*

2.2.7 (i)(ii)

- Perengarkan kedua-dua buah lagu dan terangkan perbezaan melodi yang terdapat dalam lagu.
- Minta murid mengepakan tangan seperti burung terbang pada bentuk lagu A dan menepuk tangan ke kanan dan ke kiri apabila mereka mendengar bentuk lagu B.
- Bahagikan murid kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 1 melakukan Pergerakan A dan Kumpulan 2 melakukan Pergerakan B mengikut tempo.
- Minta murid mengenal pasti bentuk lagu dalam unit-unit yang telah dipelajari sebelum ini sebagai pengukuhan.



EMK: Kerjasama

: Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan (Presentation)

## SECAWAN KOPI MANIS

Peralatan domestik merupakan barangan keperluan yang digunakan bagi memudahkan urusan harian. Produk ini mempunyai nilai estetika yang tinggi dan kini dijadikan sebagai barang hiasan.



Terdapat pelbagai bahan yang digunakan untuk menghasilkan alat domestik ini.

### Kayu



Batok

Kukur kelapa

Sudip

### Seramik



Cawan berpiring

Teko

### Batu



Lesung batu

Batu giling

### Anyaman buluh dan rotan



Tudung saji

Badang

### Tembaga



Kacip

Puan

Perenjis air mawar

Kenal pasti media gantian yang sesuai untuk menghasilkan alat domestik dengan menggunakan *papier mache*.

Bahan rangka penting untuk mendapatkan bentuk asas objek sebelum menghasilkan *papier mache*.

### INFO

*Papier mache* ialah lapisan kertas yang disapu dengan air dan bahan pelekat untuk membentuk sesuatu objek.



### TIP

Gunakan lapisan kertas yang banyak dan gam kanji supaya hasil *papier mache* lebih kukuh.

1.1.4 (ii)  
2.1.10  
(i)(ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (ruang, bentuk, keseimbangan) semasa proses penerokaan.
- Minta murid bercerita tentang jenis dan fungsi alat domestik tradisional yang biasa dilihat.





## Secawan Kopi Manis

Mari hasilkan cawan dan piring menggunakan *papier mache*.

Perkembangan Idea



Contoh hal benda



Lakaran 1  
(lakaran pilihan)



Lakaran 2

### Papier mache



1 Koyak kertas.



2 Basahkan helaian kertas.



3 Lekat kertas pada acuan sebagai lapisan pertama.



4 Sapu gam ke atas lapisan pertama dan lekat kertas yang telah dibasahkan. Ulangi langkah ini sehingga selesai.



5 Biarkan kering. Tanggalkan hasil *papier mache* yang telah kering daripada acuan untuk dijadikan cawan.

### TIP



Guna alat pengering rambut untuk mempercepat proses pengeringan *papier mache*.



## Alat dan Bahan

● Mangkuk



● Piring



● Gunting



● Pita pelekat



● Gam lateks



● Surat khabar lama



● Cat poster



● Berus



● Pen penanda



● Bekas air



6 Gulung dan bentukkan tangkai cawan dengan kertas.



7 Tampal tangkai pada cawan.



8 Sapu cat poster pada cawan dan piring.



9 Lukis motif pada cawan.



10 Buat kemas pada cawan dan piring.



Motif



Wah, cantiknya! Pamer hasil karya kamu di dalam kelas.

3.1.5  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.2

- Peruntukkan masa yang sesuai untuk mengeringkan hasil *papier mache*.
- Bimbing murid mempelbagaikan media untuk membuat kemas pada cawan.
- Beri penekanan tentang prinsip penegasan dan keseimbangan dalam menghasilkan cawan.
- Galakkan murid membuat apresiasi secara simulasi lakonan.
- Murid boleh mempelbagaikan motif tradisional sebagai kemas terakhir.
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara berpasangan.





## Ensembel Tagunggu

Kenali alat muzik tradisional dalam ensembel tagunggu yang mengiringi tarian igal-igal semasa perayaan Regatta Lepa di Sabah.

Audio 44: Bunyi agung  
Audio 45: Bunyi tambul  
Audio 46: Bunyi kulintangan  
Audio 47: Ensembel tagunggu

Ensembel tagunggu terdiri daripada tiga alat muzik tradisional masyarakat di Sabah, iaitu tambul, agung dan kulintangan. Biasanya, kaum lelaki akan memainkan tambul dan agung, manakala kaum wanita akan memainkan kulintangan.

Alat muzik ini dimainkan sebagai muzik iringan untuk tarian igal-igal yang ditarikan semasa menyambut perayaan Regatta Lepa. Tarian ini juga dikenali sebagai tarian “helang laut”. Muzik yang dimainkan mempengaruhi pergerakan penari yang akan menggambarkan penceritaan yang berbeza-beza.



**a Agung** diperbuat daripada tembaga.



**b Tambul** diperbuat daripada kulit haiwan (biasanya kulit kambing), tembaga dan kayu.



**c Kulintangan** terdiri daripada lapan atau sembilan gong kecil (bonang) yang mempunyai pic dan ton yang berbeza.



Dapatkan maklumat lanjut tentang alat muzik ensembel tagunggu. Ceritakan tentang keluarga alat muzik bagi tambul, agung dan kulintangan.

**INFO**



Keluarga Alat Muzik



Erofon  
(alat tiupan)



Membranofon  
(alat berkulit)



Idiofon  
(alat yang diketuk)



Kordofon  
(alat bertali)





**INFO** ?

“Lepa” dalam bahasa kaum Bajau bermaksud perahu atau bot. Lepa diperbuat daripada kayu dan menampilkan pelbagai jenis ukiran. Regatta Lepa ini menjadi perayaan yang penting dan perayaan utama bagi masyarakat Bajau. Melalui perayaan ini, kaum Bajau yang berada di merata-rata tempat termasuk di pulau-pulau akan bertemu, bersosial dan bertanding dalam pelbagai acara yang diadakan.

4.2.1  
(i)(ii)(iii)

- Berbincang dan bersoal jawab tentang alat muzik ansambel tagunggu, iaitu agung (gong), tambul (gendang) dan kulintangan yang dimainkan bagi mengiringi tarian igal-igal semasa perayaan Regatta Lepa dengan murid.
- Minta murid mengenal pasti bunyi alat muzik yang diperdengarkan.

EMK: Patriotisme      : Menganalisis      PAK-21: Wakil (Envoy)





## Pergerakan Gemalai

Audio 48: Muzik iringan pergerakan

Ayuh buat pergerakan bersama-sama mengikut Audio 48.



- 1 Berdiri tegak dengan kedudukan tangan seperti dalam gambar.

- 2 Ayun tangan kiri ke hadapan, tangan kanan ke belakang sambil kaki kanan bergerak ke hadapan.

- 3 Ulangi pergerakan dengan mengayunkan tangan kanan ke hadapan, tangan kiri ke belakang sambil kaki kiri bergerak ke hadapan.

Ayun tangan kanan dan kiri ke sisi kanan pada paras bahu dengan kedudukan kaki kiri ke hadapan.



4

Ayun tangan kanan dan kiri ke sisi kiri pada paras bahu dengan kedudukan kaki kanan ke hadapan.



5




## Aktiviti Berkumpulan

1. Buat persembahan pergerakan seirama dalam kumpulan.
2. Setiap kumpulan menilai persembahan kumpulan rakan-rakan lain dengan mengangkat kad berwarna.
3. Kira kad berwarna bagi setiap kumpulan.

Kumpulan	Kriteria	Memuaskan ●	Baik ●	Cemerlang ●
1	Kreativiti	7 murid	15 murid	8 murid
	Kerjasama	8 murid	17 murid	5 murid
2	Kreativiti			
	Kerjasama			
3	Kreativiti			
	Kerjasama			

Contoh borang permarkahan



### 4.2.2

- Bimbing murid membuat pergerakan dalam kumpulan.
- Galakkan murid bersoal jawab tentang persembahan rakan mereka.
- Bimbing murid menilai dan membuat ulasan tentang persembahan rakan mereka berdasarkan kreativiti dan kerjasama. Guru atau seorang murid mengira kad berwarna untuk diisi dalam borang permarkahan.




## PROJEK KESENIAN PENGGAL DUA

Syabas, kamu telah berjaya membuat Projek Kesenian Penggal Satu! Kini, kamu akan mempelajari Unit 6 hingga 10 terlebih dahulu sebelum bersiap sedia untuk menghasilkan Projek Kesenian Penggal Dua.

Lihat gambar dan dengar audio Projek Kesenian Penggal Dua. Rancang dan buat persediaan untuk pameran seni visual dan persembahan muzikal bersama-sama.





### **Ayahku Sayang** Lagu dan lirik: Ong Bee Bee



Skor lagu *Ayahku Sayang*

Oh ayahku, ayahku sayang  
Menjaga aku siang dan malam  
Curah segala kasih dan sayang  
Membuat hidupku menjadi girang

Oh ayahku, ayahku sayang  
Budi jasamu tidak terbilang  
Oh ayahku, ayahku sayang  
Kasih sayangmu akan kukenang

3.3.1 3.4.1  
3.3.2 3.4.2  
3.3.3 3.4.3  
3.3.4  
3.3.5  
3.3.6

- Bimbing murid merancang dan membuat persediaan untuk pameran seni visual serta persembahan muzikal.
- Pastikan masa yang diperuntukkan untuk perancangan, persediaan dan persembahan murid adalah mencukupi.






# LARIAN RIANG RIA

Poster merupakan reka bentuk grafik yang berfungsi sebagai medium komunikasi bagi menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Setiap poster mempunyai tema dan tajuk yang bersesuaian dengan mesej yang ingin disampaikan.

Ada pelbagai jenis poster, antaranya termasuklah poster maklumat, poster kempen dan poster pengiklanan.



Tema dan tajuk bertepatan.

Reka letak dan komposisi yang menarik.

Ilustrasi yang menarik.



Pemilihan muka taip yang bersesuaian.

Penggunaan ruang yang bersesuaian.

Pemilihan warna yang berkesan.

Ciri-ciri poster



## Mesej Melalui Gambar

Teknik lukisan biasa dilihat dalam penghasilan poster. Tahukah kamu teknik montaj juga boleh digunakan untuk menghasilkan poster? Mari teroka pelbagai media yang sesuai untuk menghasilkan poster dengan gabungan kedua-dua teknik ini.

### Media Teknik Montaj



Majalah



Komik



Gambar foto



Surat khabar



Sumber Internet



Arang

### Media Teknik Lukisan




Pensel warna



Pen penanda



Oil pastel



Penggunaan pelbagai media akan menimbulkan kesan seperti:

- arang akan menghasilkan kesan legap atau ton.
- kertas majalah akan menghasilkan kesan bersinar.

1.1.1 (iii)  
2.1.3 (i)(ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (rupa, warna, kontra, penegasan) semasa proses penerokaan.
- Bersoal jawab dengan murid tentang prinsip kontra pada hasil karya.
- Bimbing murid mengeksplorasi media yang pelbagai dalam proses penghasilan poster.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

PAK-21: Suai Padan  
(Mix-n-Match)





## Poster Larian Ria

Mari hasilkan poster yang bertemakan gaya hidup sihat.


### Perkembangan Idea



Contoh hal benda



Lakaran 1  
(lakaran pilihan)



Lakaran 2




Warnakan lukisan sebagai latar belakang poster menggunakan arang.



Pilih gambar yang bersesuaian dengan tema dan guntingkannya.



Susun dan tampal keratan gambar yang dipilih. Pastikan kedudukan gambar disusun mengikut reka letak komposisi yang menarik.




Lakar poster berdasarkan tema dan warnakan latar.



Warnakan tajuk poster.





6

Masukkan maklumat tentang poster dengan menggunakan muka taip yang sesuai.


Hebat, kamu telah berjaya menghasilkan karya poster yang menarik!



Balut poster dengan pembalut plastik untuk menjaga kebersihan karya.

Alat dan Bahan

- Kertas lukisan
- Pensel
- Arang
- Pen berwarna
- Bahan Bercetak
- Gunting
- Gam
- Oil pastel



Hasilkan variasi poster yang menerapkan prinsip kontra dan penegasan dalam karya kamu.

3.1.1  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1

- Bimbing murid meneroka prinsip kontra dan penegasan dalam menghasilkan karya poster.
- Bimbing murid menggunakan pelbagai jenis media yang berlainan bagi membuat poster.
- Bimbing murid membuat apresiasi seni berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Mengaplikasi

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)







## Not C'

Kamu sudah belajar bermain rekoder dengan not G, A dan B pada tahun 3. Sekarang, mari berlatih bermain rekoder dengan not C'.

- Audio 49: Latihan Rekoder 1
- Audio 50: Latihan Rekoder 2
- Audio 51: Latihan Rekoder 3
- Audio 52: Latihan Rekoder 4
- Audio 53: Latihan Rekoder 5
- Audio 54: Vokal *Cergas Badan*
- Audio 55: Instrumental *Cergas Badan*
- Audio 56: Minus one *Cergas Badan*
- Audio 57: Melodi Kaunter *Cergas Badan*



Video penjarian not C'



### TIP

Dapatkan *embouchure* yang betul dengan:

- merapatkan gigi.
- memuncungkan mulut.
- meletakkan pemipit pada bibir.
- meniup "tu tu tu" dengan lembut.

### Latihan Rekoder 1



### Latihan Rekoder 2



### Latihan Rekoder 3



### Latihan Rekoder 4



### Latihan Rekoder 5



Mainkan melodi kaunter lagu *Cergas Badan* dengan iringan audio.



Melodi kaunter ialah melodi yang mengiringi melodi utama dalam sesebuah lagu.

## Cergas Badan

Lagu: Ong Bee Bee  
Lirik: Fara Afiza binti Azman

Vokal  
(Melodi Utama)

Rekoder  
(Melodi Kaunter)

1 G G ✓ Am D7 ✓

Ma - ri ma - ri wa - hai ka - wan Ki - ta la - ri ber - sa - ma

5 D7 D7 ✓ G D7 G ✓

Ke - jar ke - jar - lah ka - wan - ku Ba - ru ce - ria sua - sa - na

9 G G ✓ Am D7 ✓

A - yuh - lah la - ri ka - wan - ku Ki - ta ma - in ber - sa - ma

13 D7 D7 ✓ G D7 G

La - ri - lah si - hat - kan ba - dan Ba - ru - lah cer - gas

2.2.8  
(i)(ii)(iii)  
(v)(vi)(vii)  
2.2.9

- Ingatkan murid penjarian rekoder not G, A dan B.
- Ingatkan murid tentang teknik pernafasan, peridahan dan postur yang betul sebelum memainkan rekoder.
- Bimbing murid menepuk tangan mengikut corak irama melodi kaunter lagu *Cergas Badan* sebelum memainkan melodi kaunter lagu tersebut.
- Minta murid mengambil nafas pada ✓ semasa membuat latihan rekoder.

EMK: Nilai Murni

: Mengaplikasi

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)



Meter  $\frac{2}{4}$   $\frac{3}{4}$   $\frac{4}{4}$

Audio 58: Corak Irama 1  
 Audio 59: Corak Irama 2  
 Audio 60: Corak Irama 3

Apakah maksud meter pada skor? Meter ialah bilangan detik dalam satu bar. Fahami dan teliti skor di bawah.

2 ← Dua detik setiap bar

4 ← Jenis not (krochet)



Meter  $\frac{4}{4}$  juga boleh ditulis dengan simbol **C** yang bermaksud *common time*.



Sekarang, mari tepuk corak irama di bawah. Berikan tekanan (>) pada detik yang pertama.



Corak Irama 1



Corak Irama 2



Corak Irama 3



Fahami skor denaan meter di bawah.





Salin soalan 1 hingga 7 ke dalam buku manuskrip.



Kamu telah mempelajari tanda rehat bagi setiap not di dalam Unit 2.




Isi tempat kosong  dengan meter yang betul.



Lukis garis bar pada tempat yang betul berpandukan meter.



Isi tanda rehat yang sesuai mengikut meter.



1.2.1 (iii)  
1.2.2 (vi)

• Bimbing murid melakukan latihan di atas.

EMK: Nilai Murni



: Menganalisis


PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)



## INDAHNYA DASAR LAUT

Cetakan ialah proses pemindahan imej daripada blok cetakan berdakwat ke atas suatu permukaan lain seperti kertas dan kain. Terdapat pelbagai teknik cetakan seperti teknik timbulan, teknik benaman dan teknik saring sutera.

Teknik Cetakan



Teknik benaman




Teknik saring sutera



Teknik timbulan

Murid-murid, teknik kolograf ialah salah satu jenis cetakan timbulan.



## Cetak dan Lihat

Teroka pelbagai bahan untuk menghasilkan blok cetakan. Lihat kesan cetakan yang terhasil.



Bincangkan jenis garisan dan rupa pada hasil cetakan.



Kad busa

Tali kasut

Getah

Bahan buatan manusia



Blok cetakan



Hasil cetakan



Daun

Ranting

Bunga

Bahan semula jadi



Blok cetakan



Hasil cetakan



1.1.1  
(iv)  
2.1.4  
(i)(ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (garisan, rupa, ritma, pergerakan) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid mengeksplorasi bahan yang berbeza-beza untuk menghasilkan cetakan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

PAK-21: Tinjau Kongsi (Room the Room)






## Cetak Cantik

Mari hasilkan cetakan teknik kolograf. Terdapat dua proses dalam cetakan teknik kolograf, iaitu proses penyediaan blok cetakan dan proses mencetak.

### Proses I: Penyediaan Blok Cetakan



1 Lakar gambar hidupan laut pada kad keras.



2 Lakar rupa pada bahan yang berbeza-beza dan guntingkannya.



3 Gamkan kesemua rupa hidupan laut pada kad keras.



Blok cetakan terhasil.

#### TIP

Pastikan bahan tampalan mempunyai ketebalan yang hampir sama supaya hasil cetakan jelas.



Mengapakah tali kasut digunakan untuk mendapatkan rupa batu karang?

Harmoni terdapat pada ulangan garisan ombak. Ritma dan pergerakan terdapat pada tampalan tali tebal berupa sotong.





## Proses 2: Mencetak



1 Bancuh dan ratakan cat poster di atas alas penggelek.




2 Warnakan blok cetakan.



3 Letak kertas di atas blok cetakan. Tekan dengan tangan atau belakang sudu.



4 Angkat kertas perlahan-lahan.



Tajuk : Indahya Dasar Laut  
Tahun : 20xx  
Pelukis : Zaimab binti Samian  
Media : Media campuran

## Alat dan Bahan

- Kad keras
- Kertas cetakan
- Kertas bergelugur
- Kad busa
- Penggelek cat
- Alas penggelek
- Sudu
- Tali tebal
- Span
- Daun
- Gunting
- Gam
- Cat poster

Tahniah, cetakan kolograf kamu sudah boleh dibingkaikan!

### TIP

Kamu boleh menggunakan alatan lain yang berbentuk silinder untuk menggantikan penggelek.



3.1.1  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1  
4.1.2

- Bimbing murid memilih tema dan membuat beberapa lakaran sebelum menghasilkan karya.
- Bimbing murid memilih dan memanipulasi media secara kreatif.
- Bimbing murid mengaplikasikan unsur garisan, rupa, harmoni serta ritma dan pergerakan pada hasil karya.
- Proses cetakan boleh diulang beberapa kali untuk mendapatkan kesan cetakan yang terbaik.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

Mengaplikasi

PAK-21: Jalan Galeri  
(Gallery Walk)





## Tapak Sulaiman

Mari menyanyikan lagu di bawah bersama-sama. Lakukan perkusi badan mengikut tempo lagu. Persembahkan mengikut kumpulan.

Audio 61: Vokal *Tapak Sulaiman*

Audio 62: Instrumental  
*Tapak Sulaiman*

Audio 63: Minus one  
*Tapak Sulaiman*

Audio 64: Vokal *Tapak Sulaiman*  
(tempo cepat)


Audio 65: Vokal *Tapak Sulaiman*  
(tempo lambat)

## Tapak Sulaiman

Lagu dan Lirik: Linawati@Lina binti Adiman

Tepi pantai indah sekali  
Laut biru warnanya  
Batu karang pelbagai rupa  
Tapak sulaiman juga

Bucu lima warna-warni  
Hidup di dalam dasar laut  
Riang ria bersama rakannya  
Bintang laut itu tapak sulaiman





# Tapak Sulaiman

Lagu dan Lirik: Linawati@Lina binti Adiman

**C** **G7** **C**

Te - pi pan - tai in - dah se - ka - li La - ut bi - ru war - na - nya Ba - tu

**G7** **C** **C7**

ka - rang pel - ba - gai ru - pa Ta - pak su - lai - man ju - ga Bu - cu

**F** **G7** **Em** **Am** **Dm** **G7** **C** **C7**

li - ma war - na - war - ni Hi - dup di da - lam da - sar la - ut Ri - ang

**F** **G7** **Em** **Am** **Dm** **G7** **C**

ri - a ber - sa - ma ra - kan - nya Bin - tang la - ut i - tu ta - pak su - lai - man



2.2.5  
2.2.6  
(i)(ii)(iii)

- Galakkan murid menepuk tangan mengikut corak irama tamborin dan kastanet sebelum memainkan alat perkusi secara ensemblel.

EMK: Nilai Murni

: Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan






## Permainan Susun Notasi


Ayuh menepuk tangan sambil menyebut corak irama di bawah.

Audio 66: Corak Irama 1  
Audio 67: Corak Irama 2

### Corak Irama 1



### Corak Irama 2



## Aktiviti Berkumpulan


### Permainan Susun Notasi

Mari cipta melodi melalui permainan Susun Notasi. Kemudian, persembahkan hasil ciptaan kamu dengan bermain rekoder.


- 1 Murid A, B, dan C akan memilih satu kad notasi setiap seorang secara rawak. Pegang kad notasi di hadapan kelas untuk membentuk corak irama.



- 2 Murid lain akan mencipta melodi menggunakan not G, A, B dan C' berdasarkan kad notasi yang dipegang. Tulis nama not dalam buku manuskrip.



- 3 Apabila loceng dibunyikan, murid A, B dan C akan memilih kad notasi yang lain secara rawak.




- 4 Murid yang lain akan mencipta melodi pada bar kedua berdasarkan kad notasi yang dipegang oleh ahli kumpulan.

- 5 Mainkan melodi yang telah dicipta dengan menggunakan rekoder.



3.2.2  
3.2.3

- Ingatkan murid untuk menggunakan not G, A, B dan C' sahaja semasa mencipta melodi.
- Sediakan kad notasi .
- Semasa aktiviti dijalankan, bimbing murid mencipta corak irama dan pastikan stem not ditulis dengan betul pada baluk.
- Pelbagaikan aktiviti ini untuk penciptaan corak irama  $\frac{2}{4}$  dan  $\frac{3}{4}$ .






## HELO, HELO APA KHABAR?

Pualaman ialah teknik menghasilkan corak secara tidak terancang. Pualaman dihasilkan daripada proses pengasingan cat berasaskan minyak dan air.

Bagi menghasilkan corak yang menarik kita boleh menggunakan warna yang pelbagai. Penggunaan warna penggenap dapat mewujudkan kesan kontra agar hasil pualaman lebih menarik.

Warna penggenap ialah kombinasi dua warna yang terletak bertentangan dalam roda warna.





## Pualaman Cantik

Pualaman boleh terhasil daripada penggunaan pelbagai bahan.

Warna poster dan sabun




Pengilat kuku dan air



Krim pencukur dan pewarna makanan



Warna tempera dan minyak masak



Cat minyak dan air



Lihat contoh hasil pualaman di atas pelbagai permukaan.



Getah



Plastik



Cangkerang



Batu



Kertas



Kayu



Kaca



Fabrik



1.1.2 (i)  
2.1.5 (i)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (warna, kontra) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka teknik pualaman yang boleh dihasilkan dengan pelbagai bahan di atas permukaan yang berbeza-beza.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

PAK-21: Stesen Berputar  
(Rotating Station)






# Titis-titis Cat Minyak

Mari hasilkan corak teknik pualaman.



1



Guntingkan sisi penutup kotak.



**AWAS**  
Pakai apron dan sarung tangan semasa menjalankan aktiviti.


Isi air ke dalam bekas.



**TIP**  
Balut bekas dengan plastik agar cat minyak tidak meninggalkan kesan pada besen.



2




3

Titis beberapa titisan cat minyak ke dalam besen dengan menggunakan warna penggenap. Ulangi langkah tersebut dengan warna yang berbeza-beza.

Mengapakah cat minyak terapung di atas permukaan air?

Guna lidi untuk menyerakkan cat minyak di atas permukaan air.



4






### Alat dan Bahan

- Cat minyak 
- Bekas 
- Penutup kotak 
- Plastik 
- Gunting 
- Lidi 


5

Letak penutup kotak di atas permukaan cat minyak.



6

Angkat penutup kotak perlahan-lahan dan lihat hasil pualaman. Keringkannya.



Hasil corak teknik pualaman yang telah siap.

Ritma dan pergerakan terdapat pada kesan serakan cat minyak yang terhasil.



2.1.5 (i)(ii)  
3.1.2  
(i)(ii)(iii)(iv)

- Bimbing murid menyerakkan cat minyak di dalam besen untuk menghasilkan corak tidak terancang.
- Bimbing murid mempelbagaikan alatan untuk menyerakkan warna dan bincangkan kesan yang terhasil pada karya.
- Pastikan murid menjaga kebersihan semasa menjalankan aktiviti.





## Si Arnab Comel

Mari hasilkan tempat letak telefon bimbit menggunakan hasil corak teknik pualaman.

Perkembangan Idea



Contoh hal benda



Lakaran 1




Lakaran 2  
(lakaran pilihan)



1

Lipat penutup kotak kepada dua bahagian yang sama besar.



templat  
arnab



2

Lakar rupa arnab berdasarkan templat dan guntingkannya.



3

Lekat reben dengan pita pelekat pada bahagian belakang hasil corak pualaman agar lebih kukuh apabila didirikan.



4

Guntingkan kad busa untuk dijadikan alas tapak, kaki dan telinga arnab.

TIP

Panjang reben yang digunakan bergantung pada ukuran bukaan tapak.



5

Gamkan hasil guntingan kad busa pada bahagian badan arnab dan tapak.




6

Hias karya dengan bahan hiasan.

TIP

Pastikan reka bentuk kukuh, stabil dan selamat untuk digunakan. Gunakan gam yang kuat untuk melekatkan bahan.



Syabas, kamu telah berjaya menghasilkan tempat letak telefon bimbit yang menarik dan kreatif!

## Alat dan Bahan


● Hasil corak pualaman



● Templat arnab



● Kad busa



● Pensel



● Gam



● Pita pelekat



● Reben



● Gunting



● Benang



● Bahan hiasan



3.1.3  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1  
4.1.2

- Jelaskan perkembangan idea reka bentuk dengan menekankan aspek kukuh, stabil, praktikal dan selamat digunakan.
- Bimbing murid membuat apresiasi berpandukan bahasa seni visual, proses dan teknik dalam penghasilan karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi


 : Mengaplikasi

PAK-21: Kongsi Pengalaman  
(Personal Learning Experience)




# Not D'

Mari berlatih bermain rekoder dengan not D'.



- Audio 68: Latihan Rekoder 1
- Audio 69: Latihan Rekoder 2
- Audio 70: Latihan Rekoder 3
- Audio 71: Latihan Rekoder 4
- Audio 72: Latihan Rekoder 5
- Audio 73: Vokal *Telefon Bimbit*
- Audio 74: Instrumental *Telefon Bimbit*
- Audio 75: Minus one *Telefon Bimbit*
- Audio 76: Melodi Kaunter *Telefon Bimbit*




Video perajaran not D'

## Latihan Rekoder 1



## Latihan Rekoder 2



## Latihan Rekoder 3



## Latihan Rekoder 4



## Latihan Rekoder 5





Perhatikan melodi kaunter lagu *Telefon Bimbit* dalam skor di bawah.  
Mainkan melodi kaunter lagu dengan rekoder mengikut audio.



## Telefon Bimbit

Lagu: Ong Bee Bee  
Lirik: Fara Afiza binti Azman



Vokal  
(Melodi  
Utama)

Rekoder  
(Melodi  
Kaunter)

Chords: G, D7, D7, G

Te-le- fon bim-bit - ku    war-na-nya bi-ru    Ring -ring-ring-ring - ring-ring    i-tu bu-nyi-nya

5    Chords: G, D7, D7, G

Be-sar ta-pak ta - ngan    mu-dah di-ba-wa    Wa-lau di ma-na pun    ki - ta ber-a-da

9    Chords: C, G, D7, G

Te-le- fon me-ra - pat -    kan ja - uh dan de - kat    Bi- la-bi-la ma - sa    di ma-na ju - a

13    Chords: C, G, D7, G

Te-le- fon me-ra - pat -    kan ja - uh dan de - kat    Bi - la bi-la ma - sa    di ma-na ju - a

2.2.8  
(i)(ii)(iii)(iv)  
(v)(vi)(vii)  
2.2.9

- Minta murid meneliti melodi kaunter lagu di atas dan menepuk corak irama melodi tersebut.
- Murid akan membaca not sambil membuat penjarian not rekoder sebelum memainkan melodi kaunter lagu.
- Ingatkan murid tentang teknik pemaafasan, perlidahan dan postur yang betul sebelum memainkan rekoder.
- Bahagikan murid kepada dua kumpulan. Kumpulan 1 akan menyanyikan lagu *Telefon Bimbit* dan Kumpulan 2 memainkan melodi kaunter lagu. Tukar peranan kumpulan mengikut giliran.






## Perkusi Berbunyi

Dengar audio dengan teliti dan pilih gambar alat perkusi yang dimainkan. Sebutkannya.

- Audio 77: Bunyi 1
- Audio 78: Bunyi 2
- Audio 79: Bunyi 3
- Audio 80: Bunyi 4
- Audio 81: Bunyi 5
- Audio 82: Bunyi 6
- Audio 83: Bunyi 7
- Audio 84: Bunyi 8
- Audio 85: Corak Irama 1
- Audio 86: Corak Irama 2
- Audio 87: Instrumental *Cergas Badan* dengan Alat Perkusi 1
- Audio 88: Instrumental *Cergas Badan* dengan Alat Perkusi 2
- Audio 89: Ensembel *Cergas Badan*

Dengar audio ini. Sebutkan bunyi alat perkusi yang dimainkan.



Sekarang, mari bermain corak irama di bawah dengan kerincing dan kastanet.

### Corak Irama 1



### Corak Irama 2



Mainkan alat perkusi yang sesuai berpandukan skor perkusi di bawah dengan tempo yang betul.

## Cergas Badan

Lagu: Ong Bee Bee  
Lirik: Fara Afiza binti Azman

Alat Perkusi 1

Alat Perkusi 2

5

9

13

1.2.3  
2.2.5

- Bimbing murid menepuk corak irama lagu sambil menyebut sebutan Kodaly sebelum memainkan alat perkusi.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



Menganalisis

PAK-21: Persembahan



## Kamu Tanya, Saya Jawab

Teliti melodi soalan dan melodi jawapan di bawah. Dengar dan bandingkanya.

Audio 90: Instrumental Contoh Soalan 1  
Audio 91: Instrumental Contoh Jawapan 1  
Audio 92: Instrumental Contoh Jawapan 2

Contoh Soalan 1



Contoh Jawapan 1



Contoh Jawapan 2



Dengar melodi soalan. Kemudian, berikan melodi jawapan yang sesuai bagi melodi soalan berikut secara bernyanyi.

Contoh Soalan A

Cipta jawapan melodi berdasarkan soalan melodi ini.



Contoh Jawapan 1A



Contoh Jawapan 2A




Contoh Soalan B

Cipta jawapan melodi berdasarkan soalan melodi ini.



Contoh Jawapan 1B



Contoh Jawapan 2B







## Permainan Cipta Melodi


Mari bermain permainan di bawah untuk menghasilkan jawapan melodi.



1. Cabut empat kad notasi dari kotak. Kemudian, susun kad notasi menjadi corak irama.



2. Tepuk corak irama yang telah dicipta.



3. Tulis corak irama yang telah dicipta di atas baluk dengan menggunakan not-not yang telah dipelajari.



4. Mainkan corak irama yang telah dicipta dengan rekoder.

5. Setiap kumpulan boleh memainkan melodi masing-masing sebagai soalan melodi dan jawapan melodi.

3.2.1  
3.2.2  
3.2.3

- Galakkan murid menip rekoder untuk memainkan corak irama hasil ciptaan kumpulan lain.
- Sebagai penguuhan, kumpulan semua hasil ciptaan corak irama dan gabungkannya menjadi sebuah lagu baharu.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mencipta

PAK-21: Jalan Galeri  
(Gallery Walk)



## KOTA CERIA

Diorama ialah binaan objek miniatur tiga dimensi (3D) untuk menggambarkan sesuatu tema dan situasi yang sebenar. Pemilihan dan susunan objek perlu sesuai dengan situasi yang ingin digambarkan.



Apakah perkara penting dalam penghasilan diorama?

- Memilih tema dan situasi.
- Membuat latar belakang.
- Membina objek diorama daripada pelbagai media.
- Merancang komposisi reka letak.



### Perkembangan Idea

Penghasilan latar belakang dan dinding diorama bergantung pada tema dan situasi yang dipilih. Teroka pelbagai media dan teknik yang boleh digunakan dalam menghasilkan latar belakang diorama.

Media	Teknik	Situasi Diorama
 Kotak	 Catan	 Bandar
 Botol	 Montaj	 Taman bunga
 Beg	 Gunting dan tampal	 Hidupan liar



Contoh hal benda



Lakaran 1



Lakaran 2 (lakaran pilihan)



1



2



3



Ini ialah latar belakang diorama yang telah saya hasilkan.



1.1.3(ii)  
2.1.8(ii)(ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (ruang, kepelbagaian) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka penggunaan bahan yang pelbagai dalam menghasilkan latar diorama.
- Latar diorama yang dihasilkan boleh digunakan pada aktiviti pada halaman 88 dan 89.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 Mengaplikasi

PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi  
(Think-Pair-Share)





## Dimensi Diorama

Mari teroka pelbagai media dan aktiviti yang boleh digunakan untuk menghasilkan objek diorama mengikut tema yang dipilih.

### Sumber idea




Haiwan

### Media



Modelling clay

### Aktiviti membentuk ketam



### Sumber idea




Kenderaan

### Media



Kadbod gulungan tisu

### Aktiviti membina model kereta





### Sumber idea



Tumbuh-tumbuhan

### Media




Kain felt

### Aktiviti membuat asemblaj



### Sumber idea




Serangga

### Media



Kertas warna

### Aktiviti membuat origami



1.1.3(ii)  
2.1.8(ii)(ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (ruang, kepelbagaian) semasa proses penerokaan.
- Bimbing murid meneroka penggunaan bahan yang pelbagai dalam menghasilkan objek diorama.
- Bimbing murid menghasilkan objek diorama berdasarkan tema dan situasi yang dipilih.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Menganalisis, Mencipta

PAK-21: Suai Padan (Mix-n-Match)





## Kota Ceria

Mari hasilkan sebuah diorama berdasarkan tema yang telah dipilih.

1



2



3



Lakaran yang dipilih.

Kumpul objek yang akan disusun di dalam latar diorama.

Susun objek untuk mendapatkan gambaran awal diorama.



6



Gantung objek dengan benang dan pita pelekat.

Hasil diorama



## Alat dan Bahan


● Latar diorama



● Objek diorama



● Pita Pelekat



● Gam



● Benang



4



Susun objek di dalam latar diorama bermula dari belakang ke hadapan.



5

Lekat objek pada latar diorama mengikut kesesuaian bagi mewujudkan ruang di dalam diorama.




3.1.4  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1  
4.1.2

- Bersoal jawab dengan murid tentang bahasa seni visual (bentuk, pergerakan, kepelbagaian) dalam menghasilkan diorama.
- Bimbing murid membuat apresiasi hasil karya berdasarkan kehidupan harian.



EMK: Cintai Alam Sekitar

 : Mencipta

PAK-21: Main Peranan  
(Role-play)



## Desaku Tercinta

Mari menyanyikan lagu di bawah mengikut tempo.

Audio 93: Vokal *Desaku Tercinta*

Audio 94: Instrumental *Desaku Tercinta*


Audio 95: Minus one *Desaku Tercinta*

### Desaku Tercinta

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

Indah dan permai desaku tercinta  
Sawah padi tumbuh dan menghijau  
Marilah kawan kita ke desaku  
Ibu ayah menanti selalu

Oh burung la la la la la  
Berkicau la la la la la  
Di langit la la la la la  
Terbang hinggap di pohon  
Petani la la la la la  
Bekerja la la la la la  
Di sawah la la la la la  
Desaku yang tercinta







Kenal pasti bentuk lagu *Desaku Tercinta*. Buat pergerakan mengikut bentuk lagu.

**Desaku Tercinta**  
Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

♩ = 110

C Dm F C

In-dah dan per-mai de - sa- ku ter-cin-ta Sa-wah pa-di tum-buh dan meng-hi - jau Ma-ri

5 Dm F C

lah ka - wan ki - ta ke de-sa-ku I - bu a - yah me-nan-ti se - la - lu Oh bu -

9 F G C Am Dm G C F

rung la la la la la Ber-ki - cau la la la la la Di la - ngit la la la la la Ter - bang hing-gap di po-hon Pe-ta

13 G C Am Dm G C

ni la la la la la Be-ker- ja la la la la la Di sa - wah la la la la la De-sa - ku yang ter-cin - ta



2.2.3  
2.2.7 (i)

- Galakkan murid membuat pergerakan mengikut kreativiti masing-masing.
- Galakkan murid menggunakan perkusi badan semasa melakukan aktiviti.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Mencipta

PAK-21: Persembahan





## Irama Perkusi

Mainkan alat perkusi mengikut tempo cepat dan lambat berdasarkan audio.

- Audio 96 : Instrumental *Desaku Tercinta* dengan kastanet
- Audio 97 : Instrumental *Desaku Tercinta* dengan tamborin
- Audio 98 : Instrumental *Desaku Tercinta* dengan dram bes
- Audio 99 : Ensembl *Desaku Tercinta*
- Audio 100: Instrumental *Desaku Tercinta* (tempo cepat)
- Audio 101 : Instrumental *Desaku Tercinta* (tempo lambat)

## Desaku Tercinta

Lagu dan lirik: Linawati@Lina binti Adiman

$\text{♩} = 110$       C                      Dm                      F                      C


In-dah dan per-mai de-sa-ku ter-cin-ta Sa-wah pa-di tum-buh dan meng-hi-jau Ma-ri

5                      Dm                      F                      C

5  
lah ka-wan ki-ta ke de-sa-ku I-bu a-yah me-nan-ti se-la-lu Oh-bu

**VROOOM**





9 F G C Am Dm G

rung la la la la la Ber-ki-cau la la la la la Di la-ngit la la la la la Ter-bang hing-gap di po-hon Pe-ta-

9

13 F G C Am Dm G C

ni la la la la la Be-ker-ja la la la la la Di sa-wah la la la la la De-sa-ku yang ter-cin-ta

13

13

The musical score consists of two systems. Each system includes a vocal line with lyrics, a piano accompaniment with three staves (treble, middle, and bass clefs), and a set of guitar chords (F, G, C, Am, Dm, G, C) written above the vocal line. The piano accompaniment features rhythmic patterns in the right hand and bass lines in the left hand, with the middle staff highlighted in yellow.



2.2.5

- Bimbing murid bermain alat perkusi secara ensembel.
- Galakkan murid menggunakan alat perkusi lain yang bersesuaian dengan skor.

EMK: Nilai Murni

 : Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan





## Lagu Pusingan

Mari menyanyikan lagu pusingan mengikut kumpulan berdasarkan skor lagu *Tapak Sulaiman*. Kumpulan 1 memulakan nyanyian diikuti dengan Kumpulan 2 yang akan memulakan nyanyian pada bar ketiga yang bertanda ● .

- Audio 102: Latihan Vokal 1
- Audio 103: Latihan Vokal 2
- Audio 104: Latihan Vokal 3
- Audio 105: Latihan Vokal 4
- Audio 106: Vokal Kumpulan Suara 1
- Audio 107: Vokal Kumpulan Suara 2
- Audio 108: Vokal Kumpulan Suara 1 dan Kumpulan Suara 2
- Audio 109: Instrumental Kumpulan Suara 1 dan Kumpulan Suara 2

### Latihan Vokal 1

la la la le le le

### Latihan Vokal 2

li li li li lu lu lu lu

### Latihan Vokal 3

li li li li li li la lu le li la

### Latihan Vokal 4

la la li li la la lu la lu la li



# Tapak Sulaiman

Lagu Pusingan  
Lagu dan Lirik: Linawati@Lina binti Adiman

Kumpulan  
Suara 1

Kumpulan  
Suara 2

Te - pi pan - tai in - dah se - ka - li La - ut bi - ru war - na -

nya Ba - tu ka - rang pel - ba - gai ru - pa Ta - pak su - lai - man ju -  
li La - ut bi - ru war - na - nya Ba - tu ka - rang pel - ba - gai ru -

ga Bu - cu li - ma war - na - war - ni Hi - dup di da - lam da - sar la -  
pa Ta - pak su - lai - man ju - ga Bu - cu li - ma war - na -

ut Ri - ang ri - a ber - sa - ma ra - kan - nya Bin - tang la - ut i - tu ta - pak su - lai -  
war - ni Hi - dup di da - lam da - sar la - ut Ri - ang ri - a ber - sa - ma ra -

man  
kan - nya Bin - tang la - ut i - tu ta - pak su - lai - man

2.2.1

- Bimbing murid menyanyikan lagu pusingan.
- Galakkan murid melakukan aktiviti dengan pergerakan kreatif dan persembahkannya di dalam kelas.
- Beri penilaian bagi setiap persembahan untuk memotivasikan murid.

EMK: Nilai Murni

 : Mengaplikasi

PAK-21: Persembahan



## HARUM MEWANGI

Seni ukiran merupakan proses mengukir dan menggores sesuatu permukaan mengikut corak tertentu dengan menggunakan alatan mengukir. Pada zaman dahulu, seni ukiran dapat dilihat pada binaan istana, rumah, masjid, kepala sampan, perabot dan barang kegunaan harian.


Terdapat beberapa teknik dalam seni ukiran seperti yang terdapat dalam gambar di bawah.



Ukiran layang



Pintu



Ukiran tebuk tembus



Anjung



Ukiran larik



Kekisi



Ukiran timbul

Tiang

### INFO



Wan Su bin Othman berasal dari Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan. Beliau merupakan penerima Anugerah Tokoh Adiguru Kraf Ukir Kayu pada tahun 1985. Antara hasil ukiran utama Wan Su termasuklah pintu utama Muzium Negara.

## Seni Ukiran Kreatif

Keindahan corak yang terdapat pada seni ukiran kayu tradisional dapat dilihat pada ukiran motifnya. Antara motif ukiran kayu termasuklah motif flora, motif fauna dan motif kosmos.



Motif flora



Motif kosmos



Motif fauna

### INFO



Lilin



Epal



Kentang



Keledek



Betik

Bahan gantian di atas boleh digunakan untuk menghasilkan ukiran dengan lebih mudah.

Pemilihan bahan gantian turut mempengaruhi penentuan alat untuk mengukir. Antara alatan yang boleh digunakan untuk mengukir termasuklah:



Pisau ukir



Lidi



Sudu dan garpu



Pen tanpa dakwat



Pencungkil gigi

Bahagian alatan yang digunakan memberikan kesan yang berbeza pada ukiran.



Pencungkil gigi



Pen tanpa dakwat



Hujung tangkai sudu

1.1.4 (i)  
2.1.9  
(i)(ii)

- Bimbing murid mengenal pasti dan membanding beza bahasa seni visual (bentuk,imbangan) semasa proses penerokaan.
- Jelaskan tentang motif dan ragam hias kepada murid.
- Bimbing murid mengeksplorasi media dalam menghasilkan ukiran.
- Pastikan murid menjaga keselamatan semasa menggunakan alatan tajam.
- Bimbing murid menamakan bahagian lain rumah tradisional dan jenis ukirannya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Mengaplikasi

PAK-21: Suai Padan (Mix and Match)





## Wangian Seni Ukiran

Mari hasilkan oleh-oleh daripada sabun dengan teknik ukiran timbul.

### Perkembangan Idea



Contoh hal benda



Lakaran 1  
(lakaran pilihan)



Lakaran 2

Lakar motif bunga kemboja pada sabun dengan menggunakan pen penanda berdasarkan lakaran pilihan.

Syabas, kamu telah berjaya menghasilkan ukiran daripada sabun! Hias karya dengan kain net dan reben untuk dijadikan oleh-oleh.

Ukir garis motif menggunakan pen tanpa dakwat.

2




1



### INFO

Teknik ukiran timbul ialah ukiran yang tidak tembus pada bahagian belakang bahan yang diukir.





3



Ukir bahagian luar motif menggunakan hujung tangkai sudu.

**TIP**  
Guna berus lukisan untuk membersihkan sisa ukiran.

**AWAS**  
Berhati-hati semasa menggunakan pisau ukir.

4



Ulangi langkah 3 menggunakan pisau ukir bagi memperlihatkan kesan penegasan pada motif.

5



Gunakan pencungkil gigi untuk mengukir bahagian motif yang lebih halus bagi menampakkan kesan jalinan pada motif.

### Alat dan Bahan

- Sabun
- Pisau ukir
- Pencungkil gigi
- Sudu
- Pen penanda
- Pen tanpa dakwat
- Bahan hiasan

3.1.5  
(i)(ii)(iii)  
(iv)(v)  
4.1.1  
4.1.2

- Bimbing murid menggunakan sudu atau pisau ukir atau kedua-duanya sekali untuk mengukir.
- Bincangkan bahasa seni visual (jalinan, penegasan) bersama-sama dengan murid.
- Bimbing murid membuat kemasan karya akhir.
- Bimbing murid membuat apresiasi berpandukan bahasa seni visual, teknik dan proses dalam penghasilan karya.

EMK: Keusahawanan

: Mengaplikasi

PAK-21: Giliran Robin  
(Rally Robin)





## Kolattam

Tarian kolattam merupakan antara tarian rakyat kaum India yang amat popular di Malaysia. Tarian ini dipersembahkan dalam beberapa upacara menyambut perayaan seperti Deepavali, Thaipusam dan Ponggal. Mari kenali alat muzik yang mengiringi tarian kolattam.



## Violin


Violin merupakan alat muzik bertali empat yang digesek dengan penggesek. Alat muzik ini yang mempunyai pengaruh dari negara Barat telah digunakan sebagai salah satu alat muzik penting dalam persembahan muzik tradisional kaum India.



## Tambura

Tambura mempunyai leher yang panjang yang tidak berfret. Badannya diperbuat daripada kayu nangka dan berbentuk separuh bulat. Empat utas tali dipasang pada badan dan leher tambura. Semasa dimainkan, tambura diletakkan secara menegak di hadapan pemain dan talinya dipetik dengan jari.

Audio 110: Bunyi violin  
Audio 111 : Bunyi mridangam  
Audio 112: Bunyi tambura  
Audio 113: Bunyi veena  
Audio 114: Bunyi manjira  
Audio 115: Bunyi bansuri  
Audio 116: Bunyi harmonium



## Mridangam

Mridangam diperbuat daripada kayu nangka yang dibentuk seperti tong dan ditutupi dengan kulit haiwan pada kedua-dua bahagian tong yang terbuka. Pemain meletakkan mridangam secara selari di atas riba dan memalu permukaan yang kecil dengan tangan kanan, manakala permukaan yang besar dengan tangan kiri.



## Veena

Veena mempunyai tiga bahagian, iaitu resonator, leher dan kepala. Badannya diperbuat daripada kayu, bahagian dadanya bulat dan bahagian belakangnya cembung. Veena mempunyai empat tali untuk melodi dan tiga tali untuk menghasilkan bunyi dengung. Alat muzik ini dicondongkan sedikit dari badan pemain yang duduk bersila semasa dimainkan.



### Manjira

Manjira ialah sepasang piring kecil yang diperbuat daripada logam gangsa yang mengeluarkan bunyi yang nyaring apabila dihantuk bersama. Manjira berfungsi mengiringi nyanyian dan juga memainkan irama dalam persembahan tarian klasik India.



### Bansuri

Bansuri ialah sejenis seruling yang diperbuat daripada buluh. Alat muzik ini mempunyai enam atau tujuh lubang yang menghasilkan pic yang berbeza-beza apabila ditiup. Alat muzik ini menjadi salah satu alat muzik penting dalam persembahan muzik kaum India.



### Harmonium

Harmonium berasal dari negara Barat dan telah digunakan dalam persembahan muzik tradisional India semenjak abad ke-19. Harmonium dalam persembahan muzik kaum India bersaiz lebih kecil daripada harmonium di negara Barat.



### INFO

Kolattam merupakan gabungan dua perkataan Tamil, iaitu “kol” yang bermaksud kayu pendek dan “attam” yang bermaksud tarian atau main. Bunyi pukulan menghasilkan ritma yang mengiringi tarian kolattam.

4.2.1  
(i)(ii)(iii)

- Terangkan ensembel muzik, alat muzik dan keluarga alat muzik yang digunakan dalam tarian kolattam kepada murid.
- Minta murid mencari maklumat terlebih dahulu sebelum berbincang tentang alat muzik dalam gambar.
- Minta murid mengenal pasti ahli keluarga setiap alat muzik yang terdapat dalam gambar di atas dan buat ulasan tentang alat muzik tersebut.







## Bergerak Ikut Tempo

Audio 117: Muzik iringan pergerakan

Mari buat pergerakan dalam kumpulan bersama-sama mengikut Audio 117.



Video pergerakan


### INFO

Selain kayu kol yang boleh dibeli di kedai-kedai terpilih, kamu boleh membuatnya sendiri menggunakan batang penyapu atau mop.

1. Pegang kayu kol dan berdiri dalam barisan atau bulatan.




2. Ketuk kayu di depan dan di belakang.



3. Ketuk kayu ke kanan dan ke kiri.






4. Bergerak di dalam bulatan sambil mengetuk kayu ke dalam dan ke luar.



5. Bergerak tiga langkah ke hadapan dan ketuk kayu kol. Kemudian, undur tiga langkah ke belakang.



6. Bengkokkan lutut sambil menggerakkan badan ke kiri dan ke kanan secara setempat sambil mengangkat kaki kanan dan kaki kiri secara bergilir.



7. Melutut sambil mengetuk kayu ke kanan dan ke kiri dengan rakan di sebelah.

**Pemarkahan**

- 0-20 Memuaskan
- 10-20 Baik
- 20-30 Cemerlang

Kumpulan	Kreativiti (10%)	Kerjasama (10%)	Kekemasan (10%)	Jumlah (30%)
1				
2				
3				
4				

Contoh borang penilaian persembahan murid

2.2.7 (ii)  
4.2.2 (i)(ii)

- Pertontonkan video pergerakan sebelum memulakan latihan dan membuat persembahan.
- Bimbing murid membuat pergerakan mengikut tempo.
- Minta murid menilai persembahan kawan-kawan dan membuat ulasan berdasarkan kreativiti, kerjasama dan kekemasan.





## Glosari Seni Visual

<b>acuan</b>	Bahan yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu struktur.
<b>alat domestik</b>	Barangan keperluan yang digunakan bagi memudahkan urusan harian.
<b>apresiasi</b>	Penghargaan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni.
<b>asemblaj</b>	Himpunan bahan terpakai yang dicantumkan untuk membentuk kesatuan objek.
<b>bahantara</b>	Bahan yang boleh digunakan untuk mencairkan warna seperti air dan minyak.
<b>cetakan</b>	Proses penerapan imej yang serupa dengan menggunakan blok tertentu.
<b>diorama</b>	Suatu binaan atau model yang memberikan gambaran seperti situasi sebenar dengan berlatarbelakangkan imej atau gambar.
<b>estetika</b>	Konsep yang berkaitan dengan nilai keindahan hasil seni.
<b>imbangan simetri</b>	Objek yang sama bentuk dan ukurannya serta memiliki kedua-dua bahagian yang sama.
<b>kapsyen</b>	Keterangan gambar, lukisan atau sesuatu karya yang dicetak di bawah hasil karya yang berkenaan.
<b>kemasan karya</b>	Pemeliharaan, perlindungan dan peragaan dengan menggunakan sesuatu bahan supaya karya atau produk kelihatan kemas dan rapi.
<b>kolograf</b>	Suatu teknik cetakan jenis timbulan.
<b>lut sinar</b>	Dapat melihat menembusi sesuatu objek.
<b>media gantian</b>	Bahan yang dapat menggantikan bahan asal.



**mozek**

Menyusun dan menampal suatu bahan secara bersebelahan, tidak bertindih dan masih menampakkan ruang latar.

***papier mache***

Kepingan kertas yang dicampur atau dilumat dengan gam atau tepung kanji dan air untuk membina sesuatu objek atau model. Kepingan kertas atau tepung menjadi keras dan kuat apabila kering.

**pigmen**

Pewarna yang digunakan untuk membuat pencelup, cat dan sebagainya.

**poster**

Sesuatu reka bentuk grafik yang mengandungi tipografi, warna, ilustrasi dan reka letak sebagai medium komunikasi visual.

**pualaman**

Proses menghasilkan corak menggunakan cat berasaskan minyak yang dicampurkan dengan air.

**stensilan**


Proses menghasilkan gubahan menggunakan blok stensil.

**tema**

Subjek yang menjadi dasar sesuatu karya.

**warna  
sewarna**

Gubahan yang menggunakan satu warna dalam beberapa ton atau dikenali sebagai warna monokrom. Warna sewarna dihasilkan dengan mencampurkan satu warna dengan hitam bagi mendapatkan kesan gelap dan putih bagi mendapatkan warna cerah.



## Glosari Seni Muzik

<b>alat perkusi</b>	Alat muzik yang dipalu, diketuk atau digoncang untuk menghasilkan bunyi.
<b>corak irama</b>	Susunan bunyi dan senyap (rehat) yang menggunakan not berlainan nilai untuk menjadikannya satu corak irama.
<b>detik</b>	Kiraan nadi dalam sesebuah lagu yang wujud selagi sesebuah lagu itu belum tamat.
<b>embouchure</b>	Teknik bibir atau mulut semasa memainkan alat muzik tiupan.
<b>ensembel</b>	Kumpulan pemuzik, penyanyi atau kedua-duanya yang membuat persembahan.
<b>lagu pusingan</b>	Lagu yang dinyanyikan secara lapisan. Lagu bermula dengan satu lapisan melodi diikuti oleh lapisan melodi yang sama dinyanyikan pada tempat permulaan yang berlainan dalam lagu.
<b>melodi</b>	Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi tinggi dan rendah serta bunyi panjang dan pendek.
<b>penjarian</b>	Teknik menggunakan jari dalam permainan alat muzik.
<b>perkusi badan</b>	Sebarang bunyi yang dihasilkan oleh anggota badan seperti tepukan dan hentakan kaki.
<b>perlidahan</b>	Teknik tiupan yang menggunakan lidah untuk mengawal penghasilan bunyi bagi alat-alat muzik tiupan.
<b>pernafasan</b>	Cara bernafas ketika bernyanyi atau bermain alat muzik tiupan.
<b>pic</b>	Bunyi tinggi, rendah dan sederhana.
<b>postur</b>	Kedudukan atau posisi tubuh badan yang betul semasa bernyanyi atau bermain alat muzik.